

# Salam Tahun Baru 2015

“Satu *'breakthrough'* berjaya dilakukan Dato' Menteri Besar dalam isu kritikal agama yang menjadi duri dalam daging kepada masyarakat majmuk di Selangor.”

**Dr Muhammad Nur Manuty,**  
Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BIPPA) PKR

“Gagasan Kota Seni cukup bagus dan tepat pada masa, bahkan lebih bagus jika pengisiannya cukup dan berkualiti. Saya jangka ini bukan rancangan yang murah dan iseng-isengan.”

**M Nasir,** Pengarah filem, pelakon, pemuzik

“Seorang yang tekun mendengar. Ini dapat dilihat menerusi perbahasan sidang DNS. Beliau begitu banyak mendengar dan mencatat. Sememangnya layak jika dikatakan beliau seorang pencatat baik dan pendengar cemerlang.”

**Datuk Noordin Sulaiman,**  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

“Amalan terjah baik bagi melihat sendiri masalah yang dihadapi rakyat. Kita berpuas hati apabila Dato' Menteri Besar turun sendiri bertemu rakyat. Kita berharap ia diteruskan pada masa depan.”

**Tan Chuee Cheng,** Ketua Kampung Bagan Sungai Lima

“Apabila infrastruktur berkembang maju, rakyat dapat faedah. Keadaan kampung banyak berubah. Lampu jalan yang dahulunya tidak menyala kini kembali menyala.”

**R Subramani,** Ketua Kampung Ampang Campuran dan Tasik Permai

## TERJAHAN SELANGOR

**100 Hari Pentadbiran Baharu**





Kerajaan Selangor bantu mangsa banjir di negeri-negeri Pantai Timur

## Terjah banjir, meranduk air

OLEH NURUL FARINA NAZLAN

**S**ETELAH hujan dua minggu, Kelantan dilanda banjir paling buruk dalam 43 tahun. Jumlah mangsa yang terpaksa dipindah melebihi 130,000 orang. Beberapa negeri lain, Terengganu, Pahang dan Perak turut banjir.

Malapetaka besar itu mendorong Mohamed Azmin Ali bersama delegasi Kerajaan Selangor berpegas ke negeri itu pada 26 Disember lalu.

Di Masjid Telipot, Dato' Menteri Besar Selangor menyerahkan cek bantuan berjumlah RM1 juta untuk mangsa banjir. Beliau bersama-sama delegasi dibawa ke pusat penempatan di Maktab Sultan Ismail yang menempatkan kira-kira 2,000 mangsa.

Bersama delegasi, beliau kemudian dibawa ke pusat penempatan di Maktab Sultan Ismail yang menempatkan kira-kira 2,000 mangsa yang kekurangan bekalan makanan dan keperluan.

Sebak melihat warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan kanak-kanak berbaring di tikar, tetapi masih tersenyum sekalipun serba kekurangan dan kekangan keperluan.

Mangsa, Mohd Nori Ahmad, 53, berkata ia besar maknanya kepada rakyat yang berada di pusat pemindahan seluruh Kelantan.

"Terima kasih banyak YAB Mohamed Azmin Ali dan kerajaan Selangor atas sumbangan," katanya.

"Semoga Allah SWT menambah



**PRIHATIN...** Mohamed Azmin menaiki lori untuk menziarahi mangsa banjir di serata kawasan

rezeki kepada Kerajaan Selangor atas keprihatinan kepada kami. Sedikit sebanyak menampung kerugian ekoran ujian ini," kata mangsa, Sharifah Mariam Syed Alwi, 67.

Pelbagai luahan lain disampaikan terutama perihal bantuan yang terhad dan bermacam-macam kepayahan lain.

Keprihatinannya tidak terhenti di

situ. Mohamed Azmin kemudian meranduk air, meredah banjir dengan menaiki lori.

Atas bantuan Exco Kebajikan Kelantan, Mumtaz Mohd Nawi dan Adun Salor, Datuk Husam Musa, mereka menuju ke pusat penempatan kedua di Sekolah Kebangsaan Kota, Salor.

Keadaan mereka lebih daif - bekalan elektrik terputus dan air mencapai paras pinggang.

Anak-anak kecil kelaparan berebut biskut dan roti, bahkan mengeluh dua hari tiada bekalan nasi dan bergelap tanpa lilin, diiringi tangisan bayi kepanasan pada waktu malam.

Delegasi turut berdepan kesukaran ke Kuala Krai akibat air naik tinggi, tetapi Mohamed Azmin sudah tekad. Beliau mahu menziarahi penduduk setempat lalu meredah air sepanjang Jalan Kota Bharu-Kuala Krai, sebelum menaiki bot meninjau kawasan sekitar.

Dalam suasana perjalanan yang gelap tanpa lampu di kiri kanan jalan, sentiasa ada penduduk menumpang lori delegasi untuk ke kawasan selamat.

Kira-kira jam 10 pagi keesokannya, delegasi berpecah dua. Mohamed Azmin mengunjungi Hospital USM,

Kubang Kerian menziarahi Mursyidul Am PAS, Datuk Seri Nik Aziz Nik Mat yang uzur.

Kumpulan kedua menuju ke Bilik Gerakan Banjir PAS Ketereh sebelum ke pusat penempatan di Politeknik Kota Bharu di Kok Lanas untuk menyalurkan bantuan bekalan makanan, selain singgah di pusat penempatan di Sekolah Kebangsaan Pangkal Kalong, Ketereh.

Keadaan di dua pusat penempatan itu lebih kritikal berikutan bekalan air terputus dan tidur hanya beralas lantai.

Selain bantuan kewangan, Mohamed Azmin juga mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi bantuan.

Segala rintihan mangsa juga diperinci untuk bantuan lanjut supaya keperluan dapat diagih dalam masa terdekat.

Pulang dari Kelantan, Mohamed Azmin menziarahi dua pusat pemindahan banjir di Klang untuk menyerahkan bantuan di Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai, Meru yang menempatkan 47 mangsa dan Sekolah Kebangsaan Abdul Samad, Kapar (38 mangsa).

Malah, beliau juga melawat pusat penempatan mangsa banjir di negeri lain termasuk Pahang, Terengganu dan Perak.



Azmin menyerahkan cek bantuan RM1 juta kepada Datuk Nik Amar Abdullah

OLEH MOHD EZLI MASHUT

**S**ekurang-kurangnya ada tiga keresahan rakyat di sebalik pengiktirafan umum terhadap kewibawaan pentadbiran Kerajaan Selangor sejak 2008.

Dan ia berlarutan rumit tanpa penyelesaian ampuh serta jauh dari penyelesaian tuntas sekali gus membuktikan ada kelompongan yang dikhuatiri melebar jika tiada formula mujarab.

Namun, Mohamed Azmin Ali - bagaikan silap mata, menterbalik keresahan itu kepada keceriaan dalam tempoh singkat, dengan matang dan bijaksana.

Paling ketara, kontroversi isu pemulangan semua 351 al-Kitab mengandungi kalimah 'Allah' selesai ketika kebanyakan pihak berkaitan seakan-akan tidak lagi menaruh harapan.

Semua al-Kitab yang diambil Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) awal tahun 2014 dipulangkan kepada Persatuan Gereja? Gereja Sarawak (ACS) pada 14 November lalu - kurang 80 hari pentadbiran baharu.

Acara bersejarah itu berlaku ketika kunjungan hormat Pengerusi ACS, Most Reved Archbishop Datuk Bolly Lapok mengadap DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah, Klang.

Kebijakan Mohamed Azmin meleraikan kemelut itu dengan kerjasama Istana Selangor mendapat sanjungan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), apatah lagi wujud kekhuatiran betapa masalah boleh membawa kepada pertelingkahan agama yang serius.

Sebaliknya, kontroversi yang boleh membawa kepada isu kronik dan berpanjangan itu bertukar menjadi landasan titik tolak kepada amalan perpaduan kaum dan toleransi agama.

Presiden ABIM, Amidi Abdul Manan menyifatkan keputusan itu penting dalam melindungi kesucian Islam dan Melayu bagi menjamin keadilan kepada agama dan bangsa lain.

Penyelesaian itu secara tidak langsung mengangkat reputasi Islam sebagai agama '*Rahmatan lil 'alamin'*' yakni agama



Kontroversi Bible, perjanjian air & Kidex berakhir

# Penyelesaian tuntas lagi pantas

rahmah untuk seluruh alam, apabila menjulang keadilan tanpa mengira agama anutan.

Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (Bi-PPA) Parti Keadilan Rakyat, Dr Muhammad Nur Manuty menganggap langkah itu membuktikan hakikat Islam mementingkan keadilan semua tanpa mengira agama.

Beliau juga menganggap pemulangan itu sebagai menyelesaikan ketegangan dan konflik antara agama yang tercetus sejak insiden berkenaan.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dan Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua sendiri kagum dengan kepintaran Mohamed Azmin yang menyelesaikan konflik itu dalam suasana muhibbah.

"Kegagalan pentadbiran terdahulu dalam tempoh sembilan bulan berjaya diselesaikan Mohamed Azmin hanya dalam waktu kurang 60 hari," kata Tony Pua.

**Kebijakan meleraikan kemelut al-Kitab dengan kerjasama Istana Selangor mendapat sanjungan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).**

Ini sekali gus membawa mesej kepada masyarakat bukan Islam betapa pemulangan itu menjadi titik permulaan ke arah Malaysia negara mengamalkan kesederhanaan.

Sungguhpun ada pihak tertentu mahupun segelintir media tempatan cuba menghangatkan kembali kontroversi itu, Mohamed Azmin bijak menepis dengan tidak melayan provokasi sedemikian.

Satu lagi kontroversi yang tidak kurang hangatnya ialah

isu kelulusan projek Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) bernilai RM2.2 bilion.

Ia dibantah penduduk Petaling Jaya kerana bimbang pembinaan lebuhraya sepanjang 14 kilometer itu bakal memusnahkan alam sekitar selain menyebabkan harga hartanah merudum.

Perselisihan itu bertambah gamat dipercayai berikutan tiada perbincangan antara Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Selangor sebelum ini.

Sebaliknya, itulah antara perkara pertama dilakukan Mohamed Azmin bagi menangani masalah itu, melalui pendekatan berbeza berbanding kepimpinan sebelum ini.

Secara tegas, beliau menetapkan tiga syarat untuk dipatuhi - tambahan terma baru yang perlu dipatuhi sebelum perjanjian konsesi berakhir 15 Februari 2015, sebelum mempertimbang kelulusan projek berkenaan.

Pertamanya, pemaju, Kidex Sdn Bhd perlu memberi secara terperinci perjanjian konsesi bersama Kerajaan Pusat

Dua syarat lain ialah penguaman menyeluruh cadangan kadar tol dan pulangan projek Kidex termasuk pemilikan saham syarikat dan bukti keseluruhan kesan penilaian projek itu memberi manfaat kepada pengguna mahupun penduduk Petaling Jaya.

Keputusan itu sekaligus menunjukkan kerajaan Selangor bukan menolak pembangunan apatah lagi berbentuk jaringan jalan raya kepada rakyat, asalkan dilakukan secara terbuka dan telus.

Satu lagi kebimbangan rakyat yang sedikit sebanyak menjejaskan kewibawaan Kerajaan Selangor ialah isu penstrukturan air lantaran ia adalah salah satu asas kehidupan manusia.

Namun, keresahan itu patut dilupakan lantaran proses

penstruturan air kini di peringkat akhir untuk dimuktamad sekaligus mengembalikan hak pengurusan air kepada rakyat Selangor dan mengakhiri era penswastaaan.

Kejayaan pembelian saham Puncak Niaga Holding Berhad (PHNB) melalui anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membuka lembaran baru.

Pembelian itu membabitkan dua syarikat pemegang konsesi air iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Permodalan Nasional Sdn Bhd (PNSB).

Ia sejajar dengan syarat Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor bertarikh 12 September lalu yang dimeterai antara Kerajaan Selangor, Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Bermakna, sebahagian besar operasi dan aset air kembali kepada rakyat sekali gus membolehkan Air Selangor mengambil alih dan menyusun semula semula operasi Syabas dan PNSB.

Tumpuan utama kini diberi kepada strategi mengurangkan kadar air tidak berhasil dan memastikan bekalan air mencukupi secara berterusan.

Kejayaan penstrukturan air bakal meningkatkan kecekapan perkhidmatan air yang lebih mesra rakyat dan responsif kepada pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kerajaan Selangor kini akan memuktamad pengambilalihan dua lagi syarikat kon-

**Masalah banjir di Kajang pula dijangka selesai berikutan kelulusan peruntukan RM5.5 juta baru-baru ini sejurus selepas Mohamed Azmin meninjau lokasi banjir di Pasar Kajang. Tender kerja itu dimulakan awal 2015 dan kerja menaik taraf sungai dijadual seawal Mac 2015**

sesi iaitu Syarikat Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash).

Mohamed Azmin bertekad untuk memastikan usaha itu memberi nilai terbaik kepada rakyat walaupun beberapa perkara utama seperti kos dan terma pengambilalihan empat syarikat konsesi sudah diputuskan sebelum ini.

Ini termasuk memastikan pembinaan Projek Langat 2 baik dari segi kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan dinilai secara objektif oleh wakil Kerajaan Negeri supaya tiada pembaziran.

Berikutan kejayaan, Kerajaan Selangor mempertimbang meningkatkan pemberian air percuma kepada 40m<sup>3</sup> selepas



**Mohamed Azmin dibawa bertemu penduduk Pulau Ketam dan meninjau permasalahan yang dihadapi mereka**

penstrukturan industri air Selangor dimuktamad kelak.

Cadangan yang melonjak kebajikan sejak amalan pemberian air percuma 20m<sup>3</sup> sejak 2008, sedang disemak semula sebelum sebarang keputusan membantu mengurangkan beban rakyat, dibuat.

Ketiga-tiga keresahan itu yang mungkin menyalakan kemudaran bukan kepalang ternyata dapat diatasi melalui pendekatan strategik dan berhemah melalui kebijakan pentadbiran pimpinan Mohamed Azmin.

Tiap masalah yang boleh memercikkan kontroversi tidak dibiar berlarutan dan ia dapat mengelak dari terjebak dalam polemik isu tidak berkesudah-

an ketika rakyat laparkan jaminan keharmonian, keselesaan walaupun bukan kesempurnaan.

### **Tangani isu sampah, banjir dan denggi**

Di samping penyelesaian isu utama itu, Kerajaan Selangor juga menangani isu lain seperti masalah sampah, banjir, wabak denggi dan pemilihan tanah.

Dalam isu sampah, Mohamed Azmin memberi tempoh tiga bulan berakhir Disember 2014 untuk diselesaikan segera, malah memberi nombor telefon bimbitnya supaya aduan boleh terus disalurkan kepadanya.

Peruntukan tambahan RM20 juta juga diluluskan bagi memastikan matlamat penyelesaian isu sampah itu dicapai.

Peruntukan khas diberi kepada PBT yang kekurangan dana termasuk penyaluran RM1.5 juta kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Semua kontraktor sisa pepajal mesti mematuhi jadual kutipan sampah domestik dan pembersihan awam melalui pemantauan berterusan.

Ketegasan PBT perlu dan mereka akan memberi notis, malah menamat perkhidmatan kontraktor yang gagal melaksanakan tugas dengan baik, selain mengenal pasti kawasan bagi tambahan unit tong sampah.

Beberapa longgokan

sampah haram di bahu jalan dan kawasan lapang turut dikenal pasti, malah Mohamed Azmin turut menerjah dengan memeriksa lori sampah haram.

Masalah banjir di Kajang pula dijangka selesai berikutan kelulusan peruntukan RM5.5 juta baru-baru ini sejurus selepas Mohamed Azmin meninjau lokasi banjir di Pasar Kajang.

Tender kerja itu dimulakan awal 2015 dan kerja menaik taraf sungai dijadual seawal Mac 2015.

Kerja menaik taraf itu melibatkan kerja melebar sungai dari lapan kepada 12 meter selepas beberapa gerai di tanah rizab sungai dipindah ke tanah rizab Kerajaan Negeri.

Kerja penambahbaikan dimulakan dengan mendirikan tembok penahan banjir di hadapan Pasar Kajang dan mendalamkan sungai bagi mengurangkan kesan bencana alam itu.

Dalam isu denggi, Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat, sekalipun berbeza fahaman politik, bekerjasama memerangi wabak berkenaan.

Bagi Selangor, kaedah terjah dan musnah diamal, malah diperluas ekoran kes itu paling membimbangkan di Selangor.

Kesungguhan kepimpinan utama negeri ternyata memberi keutamaan kepada penyelesaian isu mengangkat hak rakyat seadil-adilnya tanpa mengira agama dan kaum.



**Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM5.5 juta bagi mengatasi masalah banjir di Kajang**

## Terjah jadi ikutan pegawai PBT

**INISIATIF** Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang rajin turun padang dan melakukan terjah di lapangan memberi motivasi segar kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pemangku Datuk Bandar, Mokhtar Hani berkata, pendekatan itu membuka mata untuk memperkasa aktiviti turun padang bagi meninjau dan memantau permasalahan rakyat.

Katanya, fokus kepada masalah perbandaran sering ditekankan Mohamed Azmin, antaranya isu pembersihan awam, kutipan sampah sisa pepejal dan penyelenggaraan kemudahan awam.

"Ini satu pendekatan yang positif kerana melalui cara ini kita akan dapat melihat dan merasai sendiri isu dan permasalahan yang berlaku.

"Melalui aktiviti turun padang juga secara tidak langsung dapat bersemuka dengan komuniti setempat. Ini mengeratkan hubungan sila-

turahim dan muhibbah sesama warga Shah Alam," katanya.

Beliau mengakui program Dato' Menteri Besar itu menunjukkan Adun Bukit Antarabangsa itu seorang yang ikhlas berkhidmat dan mesra rakyat.

Kemesraan itu, katanya, membuatkan rakyat lebih selesa untuk berurusan seterusnya bersama-sama menyumbang ke arah penambahbaikan.

Dengan sikap dan keterbukaan pentadbiran baharu, Mokhtar yakin kepimpinan Mohamed Azmin akan terus bergerak mantap sebagai satu pasukan yang efisien.

"Saya percaya banyak lagi inisiatif baru akan diperkenalkan dan ia memberi manfaat kepada rakyat Selangor, khususnya warga Shah Alam.

"MBSA sentiasa berbesar hati untuk bekerjasama dengan Kerajaan Selangor dalam menjayakan semua program yang disusun," katanya.

# Teliti tapi cekap buat keputusan

OLEH AFEEQA AFEERA & AFIX REDZUAN

**KEPIMPINAN** Selangor menyifatkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali prihatin dan teliti terhadap maklumat yang disampaikan berkaitan sesuatu urusan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata ketelitian itu pula dibantu kekuatan ingatannya terhadap fakta dan angka.

Katanya, sikap dan cara kerja Mohamed Azmin itu menyemarakkan semangat Exco untuk memberi hasil terbaik kepada rakyat.

"Lebih penting adalah kepercayaan dan sikapnya terhadap anggota Exco menunjukkan beliau mahu mewujudkan satu pasukan yang teguh bersatu.

"Saya lihat, Kerajaan Negeri lebih kuat dan bersatu padu di



Yunus Hairi



Elizabeth Wong

**Ketelitian dan amalan bertolak ansur Mohamed Azmin sentiasa diterap sebagai elemen penting dalam bekerja berpasukan**

**Yunus Hairi**  
Exco Hal Ehwal Islam



Lee Kee Hiong

bawah panji kepimpinannya," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau turut menyifatkan Mohamed Azmin sebagai seorang yang teguh berpegang kepada prinsip reformasi berikutan keterlibatannya sejak 1998.

Ini pertama kali beliau bekerja secara terus kerana bekerjasama dengan beliau bersama Mohamed Azmin lebih kepada perbincangan dalam mesyuarat dan perjumpaan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Pengalaman sama turut dikongsikan oleh Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang kagum berikutan Mohamed Azmin cepat membuat keputusan.

Beliau berkata, ketelitian dan amalan bertolak ansur Mohamed Azmin sentiasa diterap sebagai elemen penting dalam bekerja berpasukan.

"Banyak keputusan yang dibuat drastik dan cepat, tetapi tepat. Beliau juga bertindak se-

cara profesional selain sentiasa meminta pandangan.

"Ini satu cara kerja yang baik dan mengikut garis panduan sedia ada," katanya kepada Selangor Kini. Beliau turut berharap lebih banyak program rakyat dapat dihasilkan selepas ini hasil gabungan idea Dato' Menteri Besar dan Exco.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menyifatkan pentadbiran baharu disenangi rakyat terbanyak, sekaligus memberi isyarat betapa Pakatan mampu mengubah nasib mereka.

Beliau pemimpin yang dinamik dan mementingkan kebajikan rakyat," katanya

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, pula berkata Mohamed Azmin seorang pemimpin yang peduli terhadap keperluan rakyat.

"Cara pentadbirannya memberi manfaat kepada rakyat, malah setiap parti dalam Pakatan Rakyat akan terus menyokong beliau selaku Menteri Besar," katanya.

### GERBANG RAYA

**"Kita kerja kuat setiap hari, bukan 100 hari pertama sahaja"**



# Aksi terjah atasi masalah

**Y**ANG diidami ialah pemimpin yang peduli rakyat, sanggup merasai kesusahan masyarakat yang dipimpinya.

Tidak hanya memberi arahan dari atas, sebaliknya turut bersama-sama saat susah senang rakyat.

Ini terkesan pada sosok Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Tempat bermasalah biarpun kotor dan busuk bukan

halangan untuk diterjah, meski di sebalik kesegakannya berbaju kemas, lazimnya berkemeja putih.

Ia menjadi bualan kedai kopi, bahkan menarik perhatian media tempatan, juga akhbar Indonesia hingga mendapat jolokan Jokomin, akronim Jokowi-Azmin.

Dari lambakan sisa sampah tapak pembuangan haram di Kampung Sungai Kertas, Batu Caves, Mohamed Azmin juga

turun ke perut Sungai Udang berhampiran Kampung Nakhoda.

Ia berikutan masalah sampah sarap menjadi antara punca banjir kilat di kawasan itu.

Beliau juga tidak teragak-agak memeriksa lori tanpa permit yang beroperasi di kawasan itu.

Apabila berlaku bencana alam, Mohamed Azmin tidak berfikir dua kali untuk bersama-sama kepayahan rakyat.

Dalam tempoh 24 jam, dua kali beliau menziarahi penghuni Pangsapuri Teratai, Hulu Selangor yang berdepan masalah tanah runtuh pada 22 Oktober lalu.

Dua hari kemudian, Mohamed Azmin merasai sendiri pengalaman menggunakan mesin penyembur baja ketika mengunjungi Bendang Padi Side B di Sekinchan.

Beliau juga meninjau Jeti Nelayan Bagan Sekinchan untuk mendengar sendiri masalah mereka sekaligus menyelesaikannya.

Di Pulau Ketam, Mohamed Azmin pada 17 Oktober lalu tidak kekok berbasikal untuk memesrai rakyat, sekali gus menyelami masalah mereka.

Terjahan itu, hasilnya mengatasi pencemaran sampah, selain menyelesaikan isu Lesen Menduduki Sementara (TOL)

Pada 31 Oktober pula, penumpang bas dikejutkan dengan kehadirannya yang menaiki pengangkutan awam itu untuk melihat keberkesanan sistem itu.

Pada 16 November, Mohamed Azmin berbekalkan but 'Phua Chu Kang' dan berbatik jawa ala Jokowi 'terjun' longkang bagi program Gerak Gempur Aedes.

Hingga kini, beliau meneruskan aksi terjah ke pelusuk negeri, bahkan di luar Selangor pun, Mohamed Azmin tidak teragak-agak melakukannya selagi ia membantu rakyat terbanyak.



Bertemu penduduk Pulau Ketam sambil bertanya masalah yang dihadapi



Meninjau muara Sungai Parit 3, Sungai Burong yang ditimbusi pasir



Melawat sawah padi di Sekinchan dan merasai sendiri pengalaman menggunakan mesin penyembur baja

**Tempat bermasalah biarpun kotor dan busuk bukan halangan untuk diterjah, meski di sebalik kesegakannya berbaju kemas, lazimnya berkemeja putih**

# Bertoleransi tapi berprinsip

OLEH NURUL FARINA NAZLAN

**S**ELAIN kaum, isu agama juga dianggap sensitif dalam kalangan masyarakat, apatah lagi ia mudah dimanipulasi pihak berkepentingan.

Lantaran itu, isu berkaitan agama mudah menjadi polemik berpanjangan dan menjejaskan perpaduan masyarakat majmuk baik di Selangor mahupun di negara ini.

Sebaliknya, penyelesaian pantas itu pemulangan Bible membuka mata banyak pihak betapa ada jalan tengah apabila berlaku perselisihan.

Kebijakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Istana Selangor menjadi penanda aras ke arah toleransi agama tanpa merendah-rendahkan Islam sebagai agama rasmi.

"Satu 'breakthrough' berjaya dilakukan Dato' Menteri Besar dalam isu kritikal agama yang menjadi duri dalam daging kepada masyarakat majmuk di Selangor.

"Dua pihak (Islam dan bukan Islam) kalau faham toleransi, ia membawa kepada pencapaian baik," kata bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Dr Muhammad Nur Manuty.

Beliau mendapati pentadbiran Mohamed Azmin menyediakan landasan sebagai teladan kepada penganut semua agama supaya konflik itu tidak berpanjangan.

Gaya kepimpinan itu mampu menjadi contoh pemimpin lain di bagi memupuk dasar hormat-menghormati antara masyarakat Islam dan bukan Islam tanpa mengira fahaman politik.

Penyelesaian itu selari dengan ajaran Islam, bahkan inisiatif itu memberi manfaat besar dan implikasi positif kepada masyarakat majmuk di Selangor.

"Ia pernah berlaku pada zaman Rasulullah saw apabila kitab Injil diambil oleh seorang Islam. Baginda kemudian memintanya memulangkan kembali kitab berkenaan kepada kaun Nasrani.

"Mohamed Azmin juga

memperlihatkan dasar Pakatan Rakyat yang menjamin kebebasan beragama seperti dalam Perlembagaan," kata Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BIP-PA) PKR itu.

Beliau pantas menyatakan Selangor mampu menjadi negeri model masyarakat majmuk, sosial dan agama melalui pendekatan bertoleransi tetapi berprinsip.


Lebih-lebih lagi, penyelesaian itu mendapat reaksi positif pelbagai pihak, bermakna secara tidak langsung memperlihatkan sokongan dan dokongan terhadap Mohamed Azmin.

Malah, ramai gembira apabila Dato' Menteri Besar itu berulang kali memberi penegasan sentimen fanatik dan pelampau tidak ada tempat di Selangor.

"Saya tegaskan, sentimen itu tidak akan memiliki tempat dalam pentadbiran Selangor kerana kami mengamalkan prinsip keadilan dan kesederhanaan setiap masa,"katanya.

**Satu 'breakthrough' berjaya dilakukan Dato' Menteri Besar dalam isu kritikal agama yang menjadi duri dalam daging kepada masyarakat majmuk di Selangor. Dua pihak (Islam dan bukan Islam) kalau faham toleransi, ia membawa kepada pencapaian baik**

**Dr Muhammad Nur Manuty Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BIPPA) PKR**



**MUHIKAH...** Anwar Ibrahim bersalaman dengan Reverend 'Father' George, ketika berkunjung ke Gereja Holy Family, Kajang, sambil diperhatikan Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali. Hadir sama dalam kunjungan tersebut Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabairau serta pimpinan negeri

# 'Dengar rintihan sekecil-kecil semut'

OLEH LIZAWATI MADFA

**I**BARAT Nabi Sulaiman dengan semut, begitulah konsep 'listening government' yang disuburkan dalam pentadbiran Kerajaan Selangor.

Itu yang dirasai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Amidi Abd Manan mengenai kesediaan dan amalan keterbukaan pentadbiran baharu Kerajaan Selangor.

Mendengar rintihan rakyat seolah-olah mengambil iktibar kisah nabi Allah itu dengan rakyatnya termasuk sekecil-kecil semut.

Lebih menggembirakan, Amidi mendapati Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bukan sahaja mendengar tetapi turut memberi respon proaktif terhadap rintihan rakyat negeri ini.

"Dato' Menteri Besar peka dengan kisah dalam al-Quran yang menceritakan tentang bagaimana Nabi Sulaiman peka dan prihatin terhadap rakyat baginda walaupun sekecil-kecil semut.

"Ini dibuktikan melalui kajian Pusat Demokrasi dan Pilihan raya Universiti (UMCEDEL) yang menyatakan rakyat Selangor mahu perhatian diberi kepada tiga perkara iaitu kebersihan, pendidikan dan perumahan.

"Dalam tempoh 100 hari, Mohamed Azmin memberi respon bersungguh-sungguh terhadap tiga perkara itu,

bukan sekadar dijelma dalam perancangan tapi diterjemah dalam bentuk tindakan,"katanya.


Amidi optimis masa depan Selangor lebih terjamin dan cerah di bawah pentadbiran Mohamed Azmin jika sikap responsif terhadap permintaan rakyat terus kekal.

**Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bukan sahaja mendengar tetapi turut memberi respon proaktif terhadap rintihan rakyat negeri ini.**

**AMIDI ABD MANAN**  
Presiden ABIM



## Infrastruktur kampung kian baik



**Abu Hassan Lebam**

**PROSPEK** pembangunan infrastruktur kampung tradisi yang menjadi keutamaan Kerajaan Selangor diyakini memberi keselesaan kepada rakyat.

Ketua Kampung Ampang Campuran dan Tasik Permai, R Subramani gembira melihat suasana kampung kembali ceria selepas terpinggir hampir 30 tahun.

Katanya, dasar penyelesaian masalah seperti pembersihan sampah dalam tempoh tiga bulan menunjukkan Mohamed Azmin serius menangani masalah itu.

"Kami gembira Mohamed Azmin jadi Menteri Besar. Beliau membawa dasar yang membaik pulih jalan, sistem perparitan.

"Apabila infrastruktur berkembang maju, rakyat dapat faedah. Keadaan kampung banyak berubah. Lampu jalan yang dahulunya tidak menyala kini kembali menyala,"katanya.

Ketua Kampung Baru Batu Caves, Adnan Mohd Yatim, berkata peruntukan besar bagi tahun 2015 memudahkan usaha membaik pulih infrastruktur seperti longkang, jalan raya dan sebagainya.

"Infrastruktur kita banyak lagi yang terbengkalai. Kalau dapat peruntukan lebih, ia dapat dibaik pulih segera,"katanya.

Ketua Kampung Bagan Sungai Lima, Tan Chuee Cheng, 58, pula menyambut baik amalan terjah bagi melihat sendiri masalah yang dihadapi rakyat.

"Kita berpuas hati apabila Dato' Menteri Besar turun sendiri bertemu rakyat. Kita berharap ia diteruskan,"katanya.

Ketua Kampung Teluk Panglima Garang, Abu Hassan Lebam pula berharap Kerajaan Negeri memberi peruntukan pembinaan balai raya baru di Jalan Bandar Lama. Ini kerana, katanya ketiadaan balai raya menyukarkan penduduk menganjurkan pelbagai aktiviti untuk golongan belia.



**GEMBIRA...** kanak-kanak ini teruja untuk menggayakan beg baharu selepas menerimanya daripada Adun Chempaka, Iskandar Samad sempena Program Kembali ke Sekolah DUN Chempaka di Pusat Tarbiyah Pandan



**B**elanjawan 2015 bertema Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli dibentang November lalu, dengan peruntukan RM2.45 bilion yang memberi penekanan kepada pembangunan dan kerohanian negeri. Namun, ada mempertikai kewibawaannya semata-mata kerana bersifat defisit. Wartawan SelangorKini, **LIZAWATI MADFA** berkesempatan menemui bual Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Datuk Noordin Sulaiman bagi merungkai isu itu.

**Bagaimana Datuk merumuskan Belanjawan Selangor 2015, belanjawan sulung yang dibentang Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang mengangkat tema 'Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli'?**

Pembangunan memang berlangsung sejak dahulu lagi tetapi yang kita tekankan dalam dasar baru kali ini ialah pembangunan perlulah betul-betul berkualiti untuk rakyat dan negeri. Kita mahu kualiti ini wujud bermula dari konsep hingga ke pasca pelaksanaan sesuatu program atau projek.


Tema rakyat dipedulikan pula dipilih berdasarkan fakta. Tema bukan hanya simbolik tetapi dipilih berdasarkan keadaan situasi semasa dengan keperluan dan kehendak rakyat.

**Apakah bermakna pendekatan atau program sebelum ini tidak berkualiti untuk rakyat Selangor? Adakah rakyat tidak dipedulikan?**

Bukan begitu. Dalam dasar sebelum ini, ada komponen mempeduli rakyat termasuk hal kebajikan dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) tetapi tidak dipaparkan sebagai tema.

Sebab itu, di bawah kepimpinan baru kita mahu bina dasar dan aktiviti diteruskan dengan satu 'tagline' baru - Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli. Itulah rumusan bahawa setiap lapisan rakyat mendapat manfaat dari pembentangan Belanjawan.

Dalam erti kata lain, kita mahu perkukuhkan lagi segala dasar, maka mesti ada 'tagline' sepertimana kebiasaan sesuatu rancangan besar, apalagi dengan peruntukan tinggi RM2.45 bilion. Kita mahu mereka sedar, mereka dipedulikan. Kalau dulu



## Dengar, analisis, selesaikan

tidak diuar-uarkan tetapi kali ini, kita mahu mereka tahu, sebab kita peduli rakyatlah, maka banyak program diwujudkan."

**Bagaimana langkah kerajaan Selangor bagi memastikan tema itu benar-benar dipenuhi?**

Kita akan pastikan setiap proses berkualiti dan memberi manfaat kepada rakyat dan rakyat berpuas hati bermula daripada konsep perancangan, pelaksanaan dan akhirnya penggunaan.

Contoh, menerusi program pembangunan modal insan, iaitu Bantuan Sara Diri ditawarkan kepada mahasiswa baru institut milikan Kerajaan Negeri seperti Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Uni-

versiti Islam Selangor (Kuis).

Jadi untuk tempoh empat bulan menunggu tajaan institusi lain, mereka diberi pembiayaan sementara kerana kita sedar mereka perlu berbelanja untuk buku, tambang, makanan dan sebagainya.

Konsepnya jelas, prosesnya juga akan dilaksanakan dan peruntukan disediakan berjumlah RM 12 juta setahun. Inilah yang kita lakukan, secara berkualiti, dasar dibuat berdasarkan fakta untuk memastikan ia bermanfaat untuk kumpulan sasaran.

Seperti pembangunan fizikal, contohnya kita dapat nyatakan secara terus cadangan untuk membina longkang bagi memperbaiki saliran, itu bagus. Namun, kita perlu tahu jika ia tidak

dirangka dengan baik, maka itu perancangan dan pelaksanaan yang tidak berkualiti.

Jadi, kesesuaian masa pelaksanaan itu penting, pastikan pembinaan dilakukan ketika musim kering agar musim hujan kelak,

**Kita mahu kualiti ini wujud bermula dari konsep hingga ke pasca pelaksanaan sesuatu program atau projek**

longkang berfungsi dengan baik untuk kegunaan rakyat. Sebab itu, kita tekankan konsep kualiti itu terpakai kepada semua proses, dari perancangan hingga ke pasca. Kita tidak mahu ada aduan atau rungutan.

**Belanjawan Selangor 2015 meningkatkan peratusan perbelanjaan pembangunan berbanding pengurusan. Adakah pendekatan ini baik untuk sesebuah kerajaan?**

Ya betul. Memang pendekatan ini harus dijadikan amalan kepada mana-mana kerajaan kerana perbelanjaan pengurusan tidak akan memberi impak dan kesan besar kecuali bagi mereka yang bergaji.

Tetapi jika perbelanjaan pembangunan ditingkatkan, manfaat itu akan kembali kepada rakyat di bawah.

Contohnya, bagi program keusahawanan kita adakala mengajurkan program motivasi, latihan kepada usahawan yang dijana menerusi pa-kej pembangunan. Usaha itu mampu tingkatkan diri usahawan daripada berstatus 'lower income' ke 'medium income'.

Begitu juga penyediaan infrastruktur lain yang diperuntukkan menerusi pakej pembangunan. Tanpa semua kemudahan itu, sukar pekebun kecil, misalnya untuk menghantar hasil ke pusat pengumpulan, pemasaran tidak boleh dilakukan, seterusnya pendapatan tidak diperoleh.

**Belanjawan Selangor 2015 bersifat defisit berbanding belanjawan berimbang pada sebelumnya. Adakah ini menunjukkan kelebihan atau kekurangan pengurusan kewangan Mohamed Azmin?**

Sebenarnya ada tiga cara untuk menyediakan sesuatu belanjawan, sama ada secara berimbang iaitu hasil dan penggunaan perbelanjaan sama. Cara kedua ialah belanjawan surplus iaitu hasil diperoleh ada lebihan. Satu lagi ialah defisit. Contohnya dapat RM100 juta tetapi anggaran dibelanjakan RM110 juta, jadi ada kekurangan RM10 juta.

Jika diukur dari segi pendekatan, pentadbiran sekarang lebih berterus terang dan merancang untuk pengutipan hasil dan perbelanjaan untuk 365 hari. Maka, tiada penambahan perun-



**Dato' Menteri Besar seorang yang cepat bertindak dan membuat keputusan tanpa suka bertangguh**

tukan. Dan sikap berterus terang ini, bagi saya lebih baik kerana ia membolehkan kita lebih fokus meningkatkan hasil dan pengurusan kepada rakyat.

Oleh sebab pendekatan diambil lebih telus dan berterus terang, tentulah belanja kita menjurus kepada perbelanjaan defisit disebabkan kita tidak mahu ada pertambahan dan sebagainya.

Untuk tahun-tahun sebelum ini, walaupun berimbang tapi pada suku kedua dan ketiga, berlaku tambahan peruntukan. Maka dengan sendirinya hasil awal tahun itu tidak berubah tetapi tambah anggaran perbelanjaan untuk pinjaman projek dan lain-lain. Akhirnya belanjawan berimbang tadi jadi defisit juga.

Dalam enam tahun terakhir ini, hanya dua kali sahaja berlaku defisit pada akhir tahun tetapi ditampung Kumpulan Wang Hasil Disatukan.

Apapun, jangan bimbang bagaimana cara belanjawan disediakan. Yang penting ialah terus giat meningkatkan hasil negeri. Pada masa sama, kita uruskan perbelanjaan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti supaya akhirnya kita dapat hasilkan akaun berimbang atau surplus.

**Selain kepintaran pengurusan kewangan Dato' Menteri Besar yang telus, apakah gaya kepemimpinan beliau yang dirasakan istimewa di mata Datuk dalam tempoh 100 hari tugasannya?**

"Jika kita hendak menilai seseorang, tidak perlu tunggu

100 hari. Kita boleh buat penilaian dalam tempoh berurusan dan beberapa program tentang corak kepimpinan seseorang.

Yang menariknya, Dato' Menteri Besar ada aura kepimpinan tersendiri. Aura ini penting, iaitu suatu kurniaan semula jadi yang menjadi kekuatan untuk memimpin sesebuah organisasi atau kerajaan.

Selain itu, saya perhatikan beliau adalah seorang yang tekun mendengar. Ini dapat dilihat menerusi perbincangan ketika sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) lalu. Beliau begitu banyak mendengar dan mencatat. Sememangnya layak jika dikatakan beliau seorang pencatat baik dan pendengar cemerlang.

Bukan sekali dua, tetapi apa sahaja yang dibangkitkan, beliau dengar dengan teliti dan mencatat, seterusnya diberi kepada pegawai untuk mendapatkan maklum balas.

**Bagaimana pula dengan keputusan atau tindakannya? Adakah kedua-dua sikap tadi membantunya bertindak dan membuat keputusan pantas?**

"Ya. Kenyataan ini dapat dilihat dalam beberapa siri lawatannya. Beliau pantas buat keputusan. Keputusan Dato' Menteri Besar berdasarkan fakta yang didengar dan dianalisis terlebih dahulu. Tetapi pantas. Bagi saya, satu corak 'decision making process' sebegini sangat baik kerana apapun, penting bagi keputusan dibuat.

Contoh, isu talian Tenaga Nasional Berhad (TNB). Perkara

itu sudah lama dibangkitkan di Kampung Sungai Terentang, sebelum 2008 sampai ke 2014 pun berbangkit. Tetapi, apabila Dato' Menteri Besar ambil alih dan mendengar fakta, beliau terus bertanya kepada pegawainya. Mereka menjawab 'kita hanya tunggu keputusan sahaja'.

Mendengar itu, beliau berkata 'Baiklah, keputusan dibuat' (berkenaan isu Sungai Terentang). Selesai. Pantas. Ini menunjukkan beliau tak suka bertangguh, asalkan fakta lengkap dan isunya jelas, keputusannya beliau pasti akan ada.

**Menteri Besar ternyata meletakkan kepercayaan penuh kepada para penjawat awam dalam membuat sebarang keputusan dan menjayakan agenda negeri. Adakah Datuk setuju?**

"Bagi saya, Dato' Menteri Besar satu-satunya pemimpin yang meletakkan dengan segera 'dignity' iaitu penghormatan kepada penjawat awam. Ini jarang berlaku tetapi beliau begitu cepat sekali memberi soal pengiktirafan, penghormatan kepada penjawat awam. Tidak sampai 50 hari bertugas, beliau sudah memberi kepercayaan penuh kepada penjawat awam berdasarkan kepada prinsip integriti, profesionalisme dan ketelusan.

Pengiktirafan itu pasti menjadi suntikan moral kepada penjawat awam untuk terus beri perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negeri. Saya percaya ini juga didasarkan kepada pengalaman 15 tahunnya terlibat dalam urusan

pentadbiran kerajaan termasuk ketika menjadi Setusaha Sulit kepada Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengalaman itulah mungkin mendorong beliau meneliti dan memahami soal penghormatan kepada penjawat awam yang jarang berlaku dalam tempoh singkat.

**Kalau dilihat dari segi usia, Dato' Menteri Besar boleh dianggap masih muda. Bagaimana Datuk melihat boleh sampai ke kedudukannya sekarang? Apa kekuatannya?**

"Kalau imbas sejarah penglibatan, beliau sudah lama bermula daripada belajar di luar negara dan terlibat sebagai pemimpin pelajar yang berjuang soal hak dan perjuangan serta sebagainya.

Kemudian, disambung pula penglibatannya sebagai Setiausaha Sulit dan seterusnya ke bidang politik.

Daripada kronologi ini, keistimewaan yang dapat dibaca ialah beliau seorang yang cepat belajar dan memberi komitmen penuh kepada perjuangan dalam dunia yang diceburinya.

Selain itu, saya lihat beliau juga tidak memusuhi sesiapa. Bahkan apabila turun padang pun beliau beri pesanan untuk jemput wakil pembangkang dan mereka hadir seperti di Sepang (Adun Dengkil) yang bukan sahaja hadir sama dengan taklimat berkenaan Science Park 2 ketika itu tetapi turut menyerahkan memorandum dan diterima Menteri Besar.

Begitu juga ketika beliau turun di Kuala Selangor, Adun Sungai Burong juga dijemput dan tiada masalah untuk meraikan rakyat dalam satu majlis. Ternyata, Dato' Menteri Besar sedia untuk ketepikan kepentingan politik demi rakyat. Atas sebab itu, saya nampak beliau tak hadapi kerumitan untuk melakukan sesuatu yang melibatkan kepentingan rakyat.

**Akhir sekali, harapan Datuk selaku pegawai tertinggi kewangan negeri Selangor terhadap pentadbiran baru di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali**

Harapan saya pastilah menggunung tinggi, ibarat setinggi bangunan SUK ini. Kami berharap beliau dapat mengekalkan ciri-ciri cemerlang yang ditonjolkannya hasil pembelajaran tanpa henti, pengalaman dan aura karisma yang dimilikinya. Semoga sifat mulia itu memberi manfaat kepada kepentingan rakyat, negeri dan negara secara keseluruhannya.

Di samping itu, kami juga harap kepimpinan Dato' Menteri Besar terus menjana program baru untuk rakyat. Kami penjawat awam sememangnya bersedia untuk sama-sama memikirkan bentuk program baru untuk dilaksanakan pada tahun akan datang. Semoga Selangor terus maju dan cemerlang di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar.

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit  
**PENGARANG BERITA:** Hafiih Mokhtar & Nurul Farina Nazlan  
**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut  
**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim  
**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com, Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com, Norfarahidayu Baharudin: ayu\_tvs@yahoo.com  
**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie  
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
 Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsnelangorkini@gmail.com

# Sambutan dari 'seberang'

OLEH LIZAWATI MADFA

**B**AGI Adun Kota Damansara dari BN, Halimaton Saadiah Bohan, pentadbiran Kerajaan Negeri kini sanggup menjemput pembangkang Selangor untuk turut sama dalam program.

"Kalau dibandingkan memang dulu setahu saya tiada jemputan untuk turut hadir ke program Menteri Besar.

"Namun kini, keadaan itu sedikit berbeza apabila kami dijemput bersama-sama memeriahkan seperti dalam program turun padang dan terjah.

"Ini beri peluang kepada kami untuk sama-sama terlibat dalam memperjuangkan kepentingan rakyat. Langkah itu lebih mesra pembangkang berbanding dahulu," kata wakil rakyat Umno itu.

Halimaton mengakui penampilan dan ketokohan Mohamed Azmin pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) baru-baru ini lebih menyakinkan.

"Ada perbezaannya apabila Mohamed Azmin boleh menjawab soalan dan tangani isu diaju dengan berkeyakinan. Tetapi, kita perlu lihat bagaimana pula pelaksanaannya kelak.

"Kerana akhirnya orang tidak mahu mendengar kata-kata sahaja, tetapi tindakan yang membawa kepada manfaat keseluruhannya," katanya.

Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak turut memuji usaha terjah dan turun padang yang dipraktik Mohamed Azmin dalam mendekati dan menyelesaikan isu rakyat.

"Kita alu-alukan strategi yang membolehkan beliau selaku pemimpin tertinggi negeri turun, terjah dan teliti sendiri kehidupan rakyat.

"Usaha seperti itu membolehkan agensi terbabit bekerja dengan lebih tekun dan efektif menangani isu berbangkit.



"Bagaimanapun, program turun padang dan terjah perlu diperluas lagi ke banyak lapangan dan kawasan lain," katanya.

Pada masa sama, beliau mengakui kemurahan hati Mohamed Azmin memberi peruntukan sehingga RM200,000 kepada Adun pembangkang walaupun

timbul isu 'keikhlasan' berhubung hal itu.

Mengenepi soal keikhlasan yang dianggap sukar dinilai dan ditafsir, Sulaiman berkata sekurang-kurangnya usaha berkenaan suatu permulaan baik kepada kematangan pentadbiran negeri.

Sebelum ini, wakil rakyat pembangkang tidak pernah diberi peruntukan Belanjawan negeri.

"Begitu juga dengan peluang diberi kepada wakil rakyat daripada pembangkang untuk dimuat di akhbar rasmi Selangor Kini.

"Dahulu, tidak ada peluang sedemikian sedangkan dana disalurkan menggunakan duit rakyat yang pelbagai aliran dan fahaman politik.

"Saya harap ia berkekalan, malah turut memberi laporan seimbang dan bukan sekadar laporan semata-mata tetapi juga kritikan dan teguran kepada pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Ini bukan sesuatu yang bermotif politik tetapi ketelusan maklumat dan kebebasan media sepertimana diperuntuk enakmen negeri," katanya.

Mohamed Azmin sebelum menyatakan kesungguhannya untuk mengangkat tradisi Bugis 'amaradekangeng' sebagai ilham untuk merai pembangkang dalam pentadbiran kerajaan Selangor.



**Ini beri peluang kepada kami untuk sama-sama terlibat dalam memperjuangkan kepentingan rakyat. Langkah itu lebih mesra pembangkang berbanding dahulu**

**Halimaton Saadiah Bohan**

Adun Kota Damansara BN



**Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak**

**B**IARPUN baru 100 hari menggalas peranan memimpin Kerajaan Selangor, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali membuktikan kesungguhan untuk menyuburkan sistem demokrasi negeri.

Tradisi Bugis 'amaradekangeng' yang memberi fokus menanam benih demokrasi menjadi ilham untuk merai pembangkang dalam pentadbiran kerajaan Selangor.

"Berilhamkan falsafah amaradekangeng, pentadbiran patik turut menyantuni pembangkang kerana mereka adalah sebahagian daripada demokrasi.

"Maksud patik hanya semata-mata untuk memajukan demokrasi dan agar pembangkang turut berkhidmat menjaga kepentingan rakyat Tuanku," kata Mohamed Azmin.

Demikian kalam ucapan Mohamed Azmin sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ke-69 di Istana Alam Shah, 11 Disember lalu.

Mohamed Azmin mengumumkan peruntukan sejumlah RM2.4 juta khusus kepada 12 ADUN pembangkang, mulai tahun hadapan, ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2015, pada 24 November lalu.

Peruntukan RM200,000 setahun untuk setiap wakil rakyat pembangkang itu membolehkan mereka melaksanakan program mesra rakyat, selain memastikan semua wakil rakyat tanpa mengira parti politik, bersama-sama berkhidmat kepada rakyat.

Malangnya, mereka menolak pemberian itu kononnya atas prinsip keadilan sedangkan peruntukan sewajarnya diagih sama rata seperti Adun Kerajaan yang menerima RM700,000 setahun.

Hakikatnya, Mohamed Azmin berlaku adil dalam hal itu. Kawasan dimenangi pembangkang menerima RM200,000 sementara baki RM500,000 diurus penyelaras. Jadi, jumlahnya tetap sama - RM700,000.

Malah, demi keadilan dan prinsip demokrasi, Mohamed Azmin sanggup merendah diri, terpaksa merayu pembangkang demi kesejahteraan rakyat terbanyak.

"Sekalipun ditolak, kita kembalikan juga RM200,000 itu, saya merayu terimalah demi rakyat," katanya pada sesi penggulungan Dewan Negeri Selangor (DNS), 28 November lalu.

Pentadbiran Mohamed Azmin juga menawarkan keistime-

# Ikhtiar memamatkan demokrasi



**Berilhamkan falsafah amaradekangeng, pentadbiran patik turut menyantuni pembangkang kerana mereka adalah sebahagian daripada demokrasi.**

waan dan kemudahan bernilai RM100,424.88 setahun kepada Ketua Pembangkang DUN Selangor sebagai menghargai perannya dalam 'check and balance' Kerajaan Negeri.

Ia merangkumi elaun tetap, bayaran gaji pemandu dan gaji setiasaha kerja serta kenderaan rasmi kerajaan negeri, sebuah Toyota Camry.

Pengiktirafan itu mendapat perhatian Adun Bukit Batu dari Johor, Jimmy Pua Wee dan mencadangkan usaha penyuburan demokrasi yang diterajui Selangor itu dicontohi negeri lain.

"Kerajaan Johor tidak beri peruntukan kepada wakil pembangkang sebaliknya perlu membuat permohonan terus kepada Pejabat Menteri Besar untuk peruntukan khusus.

"Tapi, semua permohonan saya tidak pernah dijawab," katanya.

Sebaliknya, Ketua Pembangkang DNS, Datuk Shamsudin Lias memulangkan kemudahan itu dan menolak pelantikan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Selangor.

Tindakan itu seakan-akan mengemis pujian ramai, kononnya dan sanggup hilang jawatan dan kemudahan tetapi sebenarnya ia menghampakan harapan rakyat.

Sedangkan, penyokong pembangkang mengharapkan wakil mereka lebih bersuara mengkri-



**Roslan Hassan**



**Lim Seng Kiang**



**R Mathuraiveeran**

tik kerajaan sedia ada tetapi ia tidak berlaku. Lebih mendukacitakan, peranan Ketua Pembangkang masih kosong tanpa lantikan rasmi dari BN Selangor.

Senario itu, bagaimanapun berbeza di Perak. Ketua Pembangkang, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berbesar hati menawar diri mengetuai Jawatankuasa PAC Perak menjelang sidang Dewan Undangan Negeri Perak.

"Sudah sampai masanya Perak melakukan perubahan agar jawatankuasa berkenaan diketuai Ketua Pembangkang dan saya bersedia memegang jawatan itu," katanya 13 Disember lalu.

Tinjauan mendapati kebanyakan rakyat kesal dengan tindakan pembangkang Selangor yang dilihat mengambil langkah kebelakang dengan menginggirkan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Tinjauan mendapati keba-

nyakan rakyat kesal dengan tindakan pembangkang Selangor yang dilihat mengambil langkah kebelakang dengan menginggirkan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Ahli Perniagaan, Roslan Hassan, 49, berkata tindakan pembangkang menolak peruntukan RM200,000 setahun untuk program mesra rakyat sebagai tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan Negeri melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemerintah dengan peruntukan program rakyat kepada semua Adun tanpa mengira parti politik.

"Tiada alasan munasabah daripada pembangkang untuk menolak selain memanfaatkan peruntukan itu untuk rakyat terbanyak," kata anak jati Sabak Bernam itu.

Lim Seng Kiang, 27, dari Kelana Jaya, menyimpan harapan kematangan politik dapat diju- lang pada masa hadapan dan

kerajaan Selangor memainkan peranan baik ke arah itu.

Beliau menyifatkan tindakan Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan pembangkang sebagai pembaharuan baik dalam sistem demokrasi.

"Suatu pendekatan yang bagus. Dalam soal kebajikan dan kepentingan rakyat, tidak salah untuk pembangkang bekerjasama dengan kerajaan," katanya.

R Mathuraiveeran, 55, juga berharap pembangkang lebih bersedia memainkan peranan 'check and balance' tanpa bermain politik.

"Dalam demokrasi, peranan pembangkang sangat penting untuk menyumbang idea, mengkritik dan menegur salah kerajaan.

"Tindakan mereka menolak pembaharuan Kerajaan Negeri memberi gambaran mereka tidak ikhlas bekerja untuk rakyat," katanya.

OLEH MOHD EZLI MASHUT

**H**ANYA selepas menja-  
di Dato' Menteri Besar,  
beliau diketahui per-  
nah menjadi gembala kambing,  
bekerja di restoran, dan  
lain-lain kerja susah.

"Bukan kerana bapa saya  
tidak mampu untuk membe-  
sarkan dan menyekolahkan  
saya. Bapa saya mahu saya  
kesusahan," kata Mohamed  
Azmin Ali kepada Selangor  
Kini.

Lahir pada 25 Ogos 1964  
di Singapura dan bermastau-  
tin serta dibesarkan di Hulu  
Kelang, Gombak sejak 1968,  
Mohamed Azmin melalui  
pelbagai rintangan sebelum  
menduduki teraju kerajaan  
Selangor.

Beliau menerima pendid-  
ikan awal di Sekolah Gurney  
Road (2) Kuala Lumpur dari  
1971 hingga 1976. Selepas  
itu, belajar di Sekolah Me-  
nengah Setapak, Kuala Lum-  
pur (1977-1979) dan Institut  
Teknikal, Jalan Cheras, Kuala  
Lumpur (1980 -1981).

Pada 1982, Mohamed Az-  
min melanjutkan pelajaran  
di Universiti Minnesota di  
Amerika Syarikat dan mem-  
peroleh segulung ijazah da-  
lam bidang matematik dan  
ekonomi pada 1987.

Beliau kemudian menyam-  
bung pengajian di peringkat  
sarjana dalam pendidikan  
matematik dan ekonomi di  
universiti sama.

Mohamed Azmin pernah  
bertugas di Kementerian Pe-  
lajaran sebagai pegawai khas  
kepada Menteri Pendidikan  
ketika itu, Datuk Seri Anwar  
Ibrahim sejak 1987.

Namun, ekoran krisis pe-  
mecatan Anwar pada 1998  
dan permulaan gelombang  
Reformasi, Mohamed Azmin  
turut terjun bersama-sama  
perjuangan rakyat untuk  
memperjuangkan keadilan.

# Dari gembala kambing ke kerusi MB

Beliau dan ahli keluarganya  
antara individu paling  
teruk menjadi mangsa fitnah  
gara-gara usaha regim Tun  
Dr Mahathir Mohamad me-  
nyingkirkan Anwar dari per-  
sada politik. Namun, tidak  
sedikitpun semangatnya pa-  
tah.

Bersama-sama Anwar, be-  
liau antara pengasas Parti  
Keadilan Nasional (PKN) yang  
ditubuh pada 1999 yang kini  
dikenali sebagai Parti Keadil-  
an Rakyat (PKR).

Berkat bakat ke-  
pimpinannya, M o h a m e d  
Azmin turut  
bertanding  
pilihan raya  
hingga me-  
nang DUN  
Hulu Ke-  
lang apabila  
menewaskan  
calon BN, Datuk  
Fuad Hassan de-  
ngan majoriti 1,146  
undi.

Selain mengekal keme-  
nangan kerusi DUN Bukit  
Antarabangsa, beliau pada  
Pilihan Raya Umum ke-12  
(PRU-12) turut merampas  
kerusi Parlimen Gombak dari  
pada genggaman BN dengan  
majoriti 6,867 undi.

Kecemerlangan itu tidak  
terhenti di situ, sebaliknya  
berterusan pada PRU-13 de-  
ngan mengekal kerusi DUN  
Bukit Antarabangsa dan Parli-  
men Gombak dengan majori-  
ti selesai.

Kesungguhan memperju-



ang kea-  
dilan tidak  
sekadar da-  
lam pidato cera-  
mah atau perbahasan

di Dewan Negeri Selangor  
(DNS) tetapi diterap di mana  
jua hingga dikagumi dan di-  
pilih sebagai Timbalan Presi-  
den dan mengekalkannya  
pada sesi lalu.

Berikutan kemelut politik di  
Selangor, Mohamed Azmin di-  
isytihar sebagai Dato' Menteri  
Besar ke-15 selepas menda-  
pat perkenan DYMM Sultan  
Selangor, Sultan Sharafuddin  
Idris Shah pada tanggal 23  
September lalu.

Pada hari-hari awal mene-  
raju negeri termaju itu, be-  
liau menyinsing lengan dan  
ligat menerjah ke sana sini  
bagi memastikan perjalanan  
pentadbiran pro-rakyat be-  
nar-benar berlaku.

la bukan menghairankan  
kerana Mohamed Azmin bu-  
kan berasal dari keluarga elit,  
malah pernah merasai su-  
sah payah kehidupan selaku  
rakyat biasa. Malah, beliau  
pernah menjadi pengembala  
kambing dan menternak ayam  
sewaktu kecil.



"Ayah saya mengajar erti ke-  
payahan hidup. Dengan restu  
dan doa kedua ibu bapa, akh-  
irnya saya diberi kepercayaan  
menjadi Menteri Besar.

"Saya akan masuk kamp-  
pung, dengar luahan rakyat  
dan cuba selesaikan masalah  
mereka," katanya di rumah  
ibunya di Kampung Klang  
Gate Baru, Hulu Kelang seju-  
rus selepas upacara mengang-  
kat sumpah.

la bukan gimik politik, bah-  
kan terjah masih diteruskan  
ke saat ini lantaran Mohamed  
Azmin mengamalkan dasar 80  
peratus bertemu rakyat dan  
20 peratus di pejabat.

Dalam tempoh 100 hari,  
beliau menjelajah ke seluruh  
pelusuk Selangor dari Sabak  
Bernam hingga ke Kuala Lan-  
gkat, masuk longkang, panjat  
lori, naik bas awam dan seba-  
gainya.



# 100 days in office

## Commitment to pursue with even greater vigour the policies set forth for the new administration

**O**N the day of my appointment as Menteri Besar of the State of Selangor Darul Ehsan I declared that the position of Menteri Besar is not a privilege but a trust from the rakyat carrying a duty with very heavy responsibilities.

Together with my new Exco, I pledged to carry out this duty with full conviction and dedication.

Today, as I reach my 100th day of office, I say to all of you once again, I am doing my utmost to fulfil that pledge to bring to the people of Selangor a government that is transparent, fully accountable and inclusive in all its actions.

As a rakyat-oriented administration, our policies are driven by a firm commitment to economic progress, social justice and the uplift of the rakyat's well-being.

As head of the Selangor State government and ultimately responsible for its

success or failure, let me assure you that we are committed to pursue with even greater vigour the policies we have set forth for this new administration.

Every effort will be made to ensure that our economy will remain vibrant with consistent and robust growth. Economic failure is not an option. It will remain steadfastly a business-friendly government with a market oriented economy.

Social justice imperatives will continue to prevail and the welfare of the people will remain a priority. My administration will stay focussed on the priorities of health, housing and education pursued with a policy of governance that is clean, transparent and accountable to the people.

Above all, the principle of justice and moderation will be the cornerstone in infusing the approach of the State administration in governing our multi-racial and

multi-religious society. The twin imperatives of justice and moderation are essential not just for the umma but for all the people of Selangor.

As Menteri Besar, I must stress that while every effort will be made to safeguard the position and sanctity of Islam as the state religion, fanatical and extremist sentiments will have no place in our administration. Unity and harmony among all the communities must not be compromised and we will do our utmost to ensure that the principles of justice and moderation will prevail at all times.

Mohamed Azmin Ali,  
Dato' Menteri Besar Selangor  
January 2nd 2015



**Alam Sanjung**  
@Subang West

Pangsapuri Servis

**HAK MILIK BEBAS**

Kunjungi kami di Pejabat Jualan:  
9:00 pagi - 5:30 ptg



**CB LAND SDN BHD**  
(Anak Syarikat Crest Builder Holdings Berhad)

### Pejabat Jualan:

Ground Floor, The Crest, 3 Two Square,  
No.2 Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor.

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:

**03-7841 6060**  
www.crestbuilder.com.my

Pemaju: CB Land Sdn Bhd (558719-D) • Lesen Pemaju: 11017-2/02-2018/250 • Tempoh Sah: 28/02/2013 - 27/02/2018 • Permit Pengiklanan: 11017-2/07-2015/0364 • Tempoh Sah: 19/07/2013 - 18/07/2015 • Kelulusan Pihak Berkuasa Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Shah Alam • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSA/BGN/BB/600-1(PBY)SEK.22/001-2013 • Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas • Bebanan Tanah: Bank Islam Malaysia Berhad • Jenis Hartanah: Pangsapuri Servis (600 Unit) dan SOHO (48 Unit) • Harga Min.: Apartment (RM495,180) dan SOHO (RM354,780) • Harga Maks.: Apartment (RM690,930) dan SOHO (RM823,230) • Tarikh Jangka Siap: Ogos 2016 • Diskaun Bumiputra: 10%



**Mohamed Azmin Ali mengangkat sumpah sebagai Dato' Menteri Besar Selangor ke-15 pada 23 September di Istana Alam Shah, Klang**



**Menerima wafiq pelantikan sebagai Dato' Menteri Besar daripada DYMM Sultan, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah, Klang**



**Disambut rakyat selepas mengangkat sumpah sebagai Dato' Menteri Besar di Gombak**



**Merakam kad waktu pada hari pertama memasuki pejabat di Bangunan SUK**



**Bersama rakyat dalam program doa selamat dan kesyukuran di Gombak**



Meninjau masalah perparitan dan saliran yang menjadi punca banjir di Sabak Bernam



Bersama Adun Kajang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail melihat proses penyelesaian banjir



Turun longkang bersama Adun dan PBT bagi menyelesaikan masalah perparitan dan longkang yang dipenuhi sampah-sarap, punca banjir kilat



Makan bersama mangsa banjir di Hulu Bernam yang menerima musibah



Meninjau gerai terbakar di Uptown Shah Alam, Seksyen 24



OLEH HAFIZAN TAIB

**CADANGAN** untuk mengadakan program penterjemahan karya antarabangsa membayangkan peri pentingnya nilai keilmuan dan keintelektual di mata Mohamed Azmin Ali.

Sikap itu beliau garap dari mentornya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bukan sekadar ahli politik tetapi juga seorang cendekiawan awam.

Ia juga selari dengan visi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sebagai hub ilmunan dan pusat pembelajaran sepanjang hayat bagi membina kekuatan spritual, emosi dan intelektual.

Pengarahnya, Mastura Mohamad berpendapat karya penterjemahan yang dipilih harus memberi manfaat kepada pembaca dan antara skop pilihan ialah tulisan yang membangunkan minda, membersihkan hati dan membentuk karakter individu.

"Saranan itu pasti dapat melahirkan aset berharga untuk negara. Kami juga berpendapat ia membantu dalam menghargai penulis dan penterjemah sekali gus mengangkat nilai karya itu sendiri.

"Sudah pasti ada ramai penulis dan penterjemah yang mahu terbabit. Malah ini boleh dijadikan penggalak untuk mencetus kemunculan generasi pelapis," katanya.

Secara tidak langsung, koleksi hub informasi Selangor dengan sendirinya akan berkembang bukan sahaja dari segi kuantiti, malah kualiti.

Hasil terjemahan dapat ditimbunkan sebagai koleksi khas di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam dan semua perpustakaan daerah, cawangan, bandar mahupun desa.

# Menimbunkan koleksi nilai intelektual



**Cadangan melanjutkan operasi perpustakaan hingga malam juga mendapat reaksi positif PPAS yang menganggap idea cetusan Dato' Menteri Besar itu membawa kebaikan kepada semua pihak**

"Bagaimanapun, rangka pelaksanaan perlu dilihat secara terperinci bagi memastikan ia mencapai objektif dan dilaksa-

nakan berterusan," katanya.

Cadangan melanjutkan operasi perpustakaan hingga malam juga mendapat reaksi positif PPAS yang menganggap idea cetusan Dato' Menteri Besar itu membawa kebaikan kepada semua pihak.

Ia membantu segelintir masyarakat yang mungkin biasanya melepak di pusat membeli-belah menukar lokasi ke perpustakaan seterusnya mengisi masa terluang dengan aktiviti bermanfaat.

"Antara aktiviti dirancang ialah kupasan buku dengan kerjasama jabatan lain atau badan bukan kerajaan (NGO), kelas tambahan, perkongsian ilmu atau usrah dan aktiviti lain membina minda.

"Warga pendidik juga dipelawa menggunakan bilik seminar atau bilik mesyuarat di Perpustakaan Raja Tun Uda dengan kadar caj minimum untuk mengadakan kelas tambahan atau tuisyen," kata Mastura.

Ia antara perancangan PPAS apabila perpustakaan memulakan operasi berkenaan, sekaligus mampu menampung bil utiliti perpustakaan yang tinggi walaupun bukan bermotif keuntungan.

Bagaimanapun, PPAS memerlukan pertambahan kakitangan supaya perkhidmatannya teratur dan berkualiti, selain pengangkutan awam atau 'mini coaster' disediakan bagi kemudahan pengunjung.

Sebagai salah sebuah gedung ilmu di Selangor, PPAS sentiasa menyokong usaha meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat serta melahirkan masyarakat berilmu di negeri ini.

Lantaran itu, PPAS berusaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan perkhidmatan serta kemudahan memberi manfaat bagi perkembangan minda dan pembentukan sahsiah di kalangan masyarakat.

"Perpustakaan bukan sahaja berfungsi sebagai gedung ilmu, malah kakitangannya

berperanan sebagai penyalur ilmu dan warga pendidik kepada masyarakat khususnya selepas dan sebelum waktu persekolahan.

"Ia meringankan beban guru sebagai pendidik di sekolah dan mengisi ruang kosong sebelum anak-anak pulang ke rumah. Secara tidak langsung perpustakaan berfungsi sebagai pusat pencegahan (prevention centre).

"Dalam erti kata lain, sebagai agensi kerajaan yang membentuk karakter masyarakat agar setiap individu menjadi insan berguna kepada masyarakat," katanya.

Mastura percaya peranan perpustakaan kekal relevan jika menekankan empat elemen.

Ia ialah kakitangannya berubah minda dan sikap; infrastruktur selesa dan kondusif, koleksi menarik, terkini dan berkualiti serta program kreatif, relevan dan berkesan.

Melalui projek 'rebranding' bermula 2009, PPAS banyak membuat perubahan dari segi konsep serta rekaan dalaman dan luaran perpustakaan.

Usaha itu bagi memberi imej dan suasana baru kepada masyarakat seterusnya menarik pengunjung ke perpustakaan sebagai budaya kehidupan semasa.



OLEH AFEEQA AFEERA

*"Pendidikan adalah senjata yang paling mematikan, kerana dengan itu anda dapat mengubah dunia" - Nelson Mandela.*

**M**enyedari pendidikan adalah pelaburan modal insan untuk menjamin kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamik, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memberi 'magic touch' dengan memperkenalkan beberapa inisiatif bagi membudayakan tradisi keilmuan dalam kalangan masyarakat.

Antaranya, RM60 juta diperuntuk kepada Universiti Selangor (Unisel) bagi menjamin suasana pembelajaran yang kondusif. Ini termasuk RM23.05 juta untuk membaik pulih asrama, manakala RM40.73 juta bagi membaik pulih sistem pembentungan di Kampus Bestari Jaya.

Selain itu, peruntukan RM10 juta setahun untuk Tabung Biasiswa Selangorku bagi menampung pendidikan anak Selangor dari desa dan golongan berpendapatan rendah yang menuntut di Unisel. Ini langkah tepat kerana ramai memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai pembelajaran mereka.

Tidak dilupa, pengiktirafan turut diberi kepada kaum

# Merintis kebijakan pendidikan bestari

**Perancangan itu bukan retorik tetapi realistik, lebih-lebih lagi pengenalan 10 jenis biasiswa bagi bidang pengajian strategik dan kritikal kepada anak Selangor dengan peruntukan RM5 juta, umpama membuka lorong kepada sinar kegemilangan.**

**Profesor Dr Anuar Ahmad Naib Canselor Unisel**



**Profesor Dr Anuar Ahmad**

Orang Asal dengan memperkenal Biasiswa Sagong Tasi, malah menyediakan 10 tempat di Unisel bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian.

"Ia langkah bijak kerana peruntukan itu membantu masyarakat miskin termasuk miskin bandar menerima bantuan sebagai galakan untuk meneruskan pembelajaran tanpa perlu memikirkan soal pembiayaan," kata Naib Canselor Unisel, Profesor Dr Anuar Ahmad.

Beliau juga kagum dengan kegigihan Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang memperkenalkan beberapa langkah memperbaiki kualiti pendidikan.

Ia jelas membuktikan beliau sebagai individu yang mementingkan dinamik pembelajaran bagi melahirkan lebih ramai golongan cendekiawan di negeri ini.

"Kita amat berbangga kerana Unisel mendapat perhatian serius oleh



**Dr Muhammad Shamsinor Abdul Azzis**

Dato' Menteri Besar," katanya.

Usaha Kerajaan Selangor untuk melahirkan sekurang-kurangnya 60,000 pemegang Ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2023, pula dilihat sebagai strategi melonjak pendidikan ke tahap kebijakan bestari.

Apatah lagi, strategi itu dibentang ketika rata-rata institusi pengajian tinggi di negara ini mengalami era malap dan mencatat ranking memlalu akibat merudum pencapaiannya.

Perancangan itu bukan retorik tetapi realistik, lebih-lebih lagi pengenalan 10 jenis biasiswa bagi bidang pengajian strategik dan kritikal kepada anak Selangor dengan peruntukan RM5 juta, umpama membuka lorong kepada sinar kegemilangan.

Dr Anuar percaya peluang itu pastinya ditunggu-tunggu kebanyakan siswazah di negeri ini sekali gus menjadi pemangkin semangat kepada mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Mudah-mudahan dengan langkah ini peningkatan ekonomi rakyat tidak kira latar belakang dapat dicapai melalui pendidikan yang terbaik berdasarkan usaha gigih Kerajaan Negeri yang mahu melahirkan generasi bijak pandai," katanya.

Ini diakui mahasiswa tahun akhir Diploma Sains Perpustakaan di Unisel, Jazlan Hamsan yang menyifatkan usaha penambahbaikan itu membuka laluan kepada mahasiswa untuk

mendapatkan pembelajaran dengan suasana lebih kondusif dan teratur dalam jangka panjang.

Ia sekaligus menutup rungutan atau alasan golongan muda untuk tidak meneruskan pengajian ke tahap lebih tinggi lantaran Kerajaan Negeri kini mula membuka ruang melalui pelbagai inisiatif.

"Saya percaya dengan adanya usaha seperti ini, lebih ramai anak muda akan bersaing untuk mendapatkan pendidikan terbaik, apatah lagi ia dipermudah melalui pelbagai tawaran kepada anak Selangor.

"Di samping membuktikan komitmen Dato' Menteri Besar terhadap agenda pendidikan sebagai pelaburan demi masa depan, usaha itu juga dapat memastikan tiada lagi isu keciciran dari menerima pendidikan berkualiti di Selangor," katanya.

Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Unisel, Dr Muhammad Shamsinor Abdul Azzis pula mahu pentadbiran universiti mengambail ruang dan peluang dengan merencana perancangan supaya cita-cita Kerajaan Negeri dapat direalisasikan.

Beliau yakin Unisel ada potensi luas melahirkan lebih ramai graduan bertaraf lima bintang berdasarkan perkembangan pendidikan yang memberangsangkan, ditambah pula dengan suntikan tawaran dari Kerajaan Negeri.

"Unisel memiliki potensi baik untuk bersaing dengan institusi lain, namun Kerajaan Negeri juga perlu melihat secara keseluruhan isu kakitangan yang menjadi elemen penting kepada pelaksanaan dasar itu.

"Saya berharap Unisel memanfaatkan peluang itu dengan membuat perancangan awal bagaimana mahu menarik lebih ramai golongan memerlukan supaya turut sama mendapat pendidikan," katanya.



# MBI rancang strategi kewangan ampuh



**M**BI sebuah organisasi strategik Kerajaan Selangor berikutan ia memayungi semua anak syarikat negeri. Akibat daripada kemelut politik sebelum ini, ramai tertanya-tanya siapakah yang bakal menerajui. Ikuti temu bual wartawan SelangorKini, **NAZLI IBRAHIM** yang mengupas wawasan Ketua Pegawai Eksekutif, Yang Mulia Raja Shahreen Raja Othman.

## **Pertamanya, boleh terangkan sedikit latar belakang sebelum menduduki jawatan kerusi CEO MBI?**

Saya bermula dengan Ernst & Young. Selepas itu, saya berkhidmat dengan Pos Malaysia Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Kemudian, saya berhijrah ke Timur Tengah selama enam tahun

dan balik Malaysia bekerja sekejap dengan satu syarikat *oil and gas*. Kemudian, barulah berkhidmat dengan MBI.

## **Boleh ceritakan sedikit persepsi terhadap MBI sebelum menyertainya dan selepas kali pertama menjejakkan kaki ke MBI?**

Saya tidak ada persepsi apa-apa pasal MBI. Malah, tidak tahu apa-apa tentang MBI. Saya tahu pasal MBI selepas digembar-gembur dalam surat khabar mengenai isu semasa, isu yang agak hangat sampai sekarang.

Apabila saya masuk, memang MBI suatu syarikat yang banyak pelaburan Kerajaan Negeri yang perlu kita titik beratkan supaya anak dan cucu kita nanti dapat hasilnya balik. Perkara ini senang cakap, tidak boleh diperkotak-katik orang kata. Kena buat dengan cepat apa yang kita buat.

## **Apakah hala tuju dan misi baru MBI?**

Sebelum kita boleh tentukan hala tuju ke hadapan, kita kena tahu apa yang kita ada, apa yang kita masuk atau dapat. Selagi kita tak tahu apa yang kita ada, kita hendak ke hadapan itu agak susahlah.

Dari segi itu, sejak masuk sampai sekarang, saya fokus kepada MBI itu sendiri. Apa itu MBI? Apa kita nak buat? Apa kita punya pelaburan? Apa kita punya isu? Apa pendapat orang-orang kita? Jadi semua itulah. Jadi sekarang kita banyak berbincang, baca fail, jumpa orang bertanya, apa keadaan MBI sekarang.

Nak ke hadapan itu memang ada ideanya, tetapi itu kemudian kita bincangkan kerana sekarang ini saya rasa tidak sesuai. Sekarang kita ada banyak lagi masalah yang dipanggil '*legacy issues*'. *Legacy issues*, penilaian yang orang lama tak buat lagi.

Jadi, kita kena tengok balik, bagi faham balik objektif MBI dan anak syarikat MBI yang ada. Ada 12 kumpulan syarikat, banyak kita kena perhatikan.

## **Berkenaan anak syarikat kerajaan Selangor di bawah MBI, apa pembaharuan dan pendekatan yang mahu dibawa?**

Pendekatan baru itu bagi saya, senang kata kita kembali kepada asas. Kita tengok balik dari segi pelaburan, apa pulangnya, kita tengok balik. Adakah pulangnya menepati sasaran yang kita sasarkan dahulu.

Segi modal insannya, adakah kita orang yang betul untuk kerja yang betul. Jadi kita tengok balik, kita selesaikan dahulu. Menuju ke hadapan ini seperti pelaburan baru atau penstrukturan organisasi. Masih tidak tepat dalam keadaan sekarang sebab saya masih lagi sedang analisis.

## **Selepas kemelut politik Selangor, rakyat mempunyai Menteri Besar yang baharu. Selepas 100 hari pentadbiran, apakah komen terhadap gaya pentadbiran Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali?**

Bagi saya, kita patut bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat Menteri Besar yang orang kata teliti. Telitinya dia, sampai dia boleh bagi nombor telefon dia kepada orang. Dia kata, kalau orang tak kutip sampah, telefon dia. Begitu dekatnya dia dengan rakyat. Begitu teliti, dia boleh baca apa-apa. Jadi kita patut bersyukur.

Dari segi itu, ada juga kesan sampingan pada orang yang bekerja dengan dia. Kena kerja lebihlah. Kena kerja lebih kuat pasal dia teliti, dia akan baca, dia akan tengok, dia akan komen. Jadi kita semua dalam bahasa Inggeris - 'What our toasted all the time'. Tak boleh flip flop. Tak boleh main-main. Dia cepat. Kita pun kena laju kejar dia. Dia mahu maklumat dan data yang tepat. Kita kena berusaha cari yang tepat, penyelesaian yang terbaik untuk dia.

#### Apa sasaran misi korporat

Pada usia 35 tahun sudah menyandang jawatan penting MBI. Wartawan Selangor Kini, **NAZLI IBRAHIM** mencungkil rahsia kejayaan dan berkongsi impian bersama Ketua Pegawai Operasi MBI, Soffan Affendi.

#### Boleh ceritakan sedikit latar belakang sebelum menjejak kaki di MBI?

Saya berkelulusan perakaunan profesional ACCA dan bidang pekerjaan sebelum ini banyak dalam konteks pelaburan dan perakaunan. Saya menghabiskan masa kerja lalu dalam bidang pelaburan seperti Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP) selama enam tahun. Kemudian berkhidmat di sebuah syarikat senarai awam, Alarm Maritim Resources Bhd sebagai Ketua Pegawai Kewangan sebelum menyertai MBI.

#### Apakah persepsi sebelum menjawat jawatan COO MBI dan sebaik sahaja menyertainya.

Saya tahu Selangor sebuah negeri terkaya dan MBI pula sebuah unit pelaburan yang di-

**Mesej saya kepada kakitangan MBI kita kena lebih tekun, lebih cepat, teliti, telus untuk kita ke hadapan. Kepada rakyat, insha-Allah amanah yang diberikan ini amatlah tinggi, kalau ada apa-apa tolonglah tegur. Kalau betul tu sokonglah, jangan pula dah betul nak dihentam-hentam pula**

**yang diharap-harapkan untuk 2015? Bagaimana MBI menjana keuntungan dan mungkin ada pendekatan strategi tertentu untuk menjayakan misi itu?**

Bagi saya, 2015 tahun mencabar dengan keadaan ekonomi agak 'terkehel' sikit sekarang ini, harga minyak pun jatuh, kita punya mata wang menurun berbanding US Dollar. Kalau tak silap pada awal tahun RM3.1 (1 USD), sekarang RM3.5.

Jadi agak meleset dari segi pasaran mata wang, dari segi ekonomi. Jadi saya boleh kata kalau boleh, kami mahu selesaikan sebanyak mungkin soal-soal legasi, soal lama yang kita ada. Ini fokus utama kita. Pada masa sama, untuk melangkah ke hadapan kita tengok balik kita punya pelaburan yang kita ada dari segi apakah pulangan yang kita ada dan kita setkan KPI.

Penilaian itu kena ada. Kalau syarikat yang tersenarai itu, penilaian dia kena tinggi. Kalau dia X dia kena XXX plus. Modal insan kena naik, kena perbaiki. Pelaburan yang kita buat perlu ada pulangan lebih tepat dan tinggi daripada sekarang. Itu hasrat saya untuk 2015.

**Apa kepentingan untuk menyelesaikan masalah legacy issue dan bagaimana ia boleh memberi kesan kepada prestasi syarikat?**

Legacy issue ini ada macam-macam kesan yang sebelum saya masuk pun ada masalah seperti isu pampasan dan sebagainya. Kalau kita tidak selesaikan, orang akan tertanya-tanya sampai ke 2015. Jadi kita tidak boleh fokus buat benda lain. Balik-balik orang akan tanya benda sama. Ini contoh paling senang yang boleh saya bagi.

Kita kena buat sama-sama

untuk ke hadapan tetapi fokus itu perlu ada untuk kita selesaikan masalah. Kalau tidak, ia akan menghantui dan menyusahkan kita untuk mara ke hadapan dengan lebih cepat.

**Kita tahu MBI adalah milik Kerajaan Selangor yang bermakna rakyat mempunyai kepentingan terhadap syarikat ini. Jadi mungkin ada mesej yang ingin tuan sampaikan kepada rakyat Selangor dan juga kakitangan MBI sendiri. Silakan.**

Kita kena lebih tekun, lebih cepat, teliti, telus untuk kita ke hadapan. Kepada rakyat, insya-Allah amanah yang diberi amatlah tinggi, kalau ada apa-apa tegurlah. Kalau betul sokonglah, jangan pula dah betul nak dihentam-hentam pula. Kalau kami salah sila tegur, kalau kami betul jangan kritik pula tetapi berilah sokongan.

## Ekstrak nilai sedia ada

wujudkan khas untuk menguruskan pelaburan.

Ini persepsi pertama dan bila saya masuk, memang betul-betul persepsi saya tadi. Saya dapati banyak sumber ekonomi yang diurus MBI bagi pihak kerajaan. Kami juga nampak, MBI selain mengurus aset, kita juga salurkan balik kepada rakyat dalam pelbagai bentuk seperti pemberian geran dan lain-lain.

#### Apa hala tuju, misi pentadbiran baru MBI yang akan dibawa?

Berdasarkan perbincangan, matlamat utama ialah mewujudkan sistem KPI kepada anak-anak syarikat MBI. Kenapa? Ini disebabkan KPI menjadi tanda aras, hala tuju dan matlamat untuk kita lebih fokus.

Sebelum ini, ada KPI tetapi kami mahu mengemas kini dan memastikan ia betul-betul dilaksanakan dan mendatangkan hasil kepada kerajaan Selangor secara langsung dan tidak langsung.

#### Bagaimana pendekatan pentadbiran MBI dan anak syarikatnya yang mahu di-terap?

Selepas KPI, objektif sete-

rusnya ialah ekstrak nilai yang lebih dari sedia ada. Secara asasnya ialah penyusunan semula, menguruskan isu legasi seperti yang berlanjutan tujuh, lapan tahun sebelum ini untuk kita selesaikan cepat sebab gaya pendekatan pentadbiran baharu lebih ke arah penyelesaian daripada mencari isu di belakang.

#### Selepas 100 hari Selangor dipimpin Dato' Menteri Besar baharu, apa gaya dan pendekatan yang dibawakan beliau?

Pendekatan Dato' Menteri Besar kita ada dua. Pertama, beliau menitik berat rakyat iaitu teliti dan cepat menyelesaikan isu tertunggak. Beliau juga pro-bisnes.

Agak senang untuk kami berinteraksi dan menyampaikan agenda yang cuba kami bentangkan. Beliau terapkan dua unsur untuk wujudkan situasi menang-menang kepada rakyat.

Bila perniagaan dijalankan lebih teratur, negeri akan ada lebih dana. Bila banyak dana, dapat disalurkan kepada rakyat. Jadi, segala isu dihadapi rakyat selesai lebih cepat.

**Selepas KPI, objektif seterusnya ialah ekstrak nilai yang lebih dari sedia ada. Secara asasnya ialah penyusunan semula, menguruskan isu legasi seperti yang berlanjutan tujuh, lapan tahun sebelum ini untuk kita selesaikan cepat sebab gaya pendekatan pentadbiran baharu lebih ke arah penyelesaian daripada mencari isu di belakang.**

Beliau mewarisi dana agak besar dari pentadbiran terdahulu dan disalurkan cepat kepada rakyat. Kita boleh nampak dalam tempoh 100 hari, ia betul-betul berjalan lancar. Dua perkara ini saling berkait. Beliau gunakan sepenuhnya

kelebihan ini untuk kepentingan rakyat.

Proses penyaluran sudah diperkemas pada pentadbiran terdahulu. Jadi sekarang masa untuk rakyat berasa hasilnya. Kita nampak kesinambungan pentadbiran sebelum ini dan sekarang.

#### Sebagai anak muda yang belum mencapai usia 40 tetapi menyandang jawatan tinggi, apa yang boleh dikongsi bersama?

Kita mesti objektif, jelas apa yang kita mahu, sedar apa dilalui. Insya-Allah tentunya berdoa. Pendekatan ini perlu sebab anak muda selalunya, kadang-kadang kita meletak harapan tinggi. Bila kita menghadapi harapan yang tinggi, bila ada sedikit kegagalan, lebih cepat jadi putus asa, patah, lemah semangat, menyalahkan orang lain tetapi kalau ada hala tuju jelas, insya-Allah boleh dicapai. Kena juga ambil kira pandangan orang terdahulu.

Jangan ketepikan terus, pandang enteng, pandang rendah. Biasanya susah orang muda terima benda begitu. Keterbukaan perlu ada.

OLEH MOHD EZLI MASHUT

**P**RESTASI Selangor menjadi tunjang kepada kepesatan dan kemakmuran negara apabila menyumbang 23.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Ia berikutan Kerajaan Selangor merangka pelbagai program pembangunan bagi memacu sektor pelaburan ke arah lebih mapan dan berdaya saing.

Ketidaktentuan ekonomi global ekoran kejatuhan nilai mata wang dan harga minyak menuntut Kerajaan Negeri merancang menentukan hala tuju pelaburannya agar impak negatif mampu ditangani.

Selangor memberi tumpuan kepada sektor sebenar ekonomi - walaupun Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi, usaha perlu dibuat untuk memanfaatkan potensi yang belum diterokai dalam pelaburan domestik.

Ia termasuk mencipta peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti dan pertambahan dalam rantai nilai daripada aktiviti berasaskan pekerja berkemahiran rendah kepada pekerja berkemahiran tinggi.

Exco Pelaburan, Datuk Teng Chang Kim berkata, usaha kolektif pelbagai pihak perlu dalam mengekalkan dominasi Selangor untuk terus menerajui sektor pelaburan negara.

Beliau yakin Selangor mampu mendepani cabaran masa depan untuk kekal mendominasi sektor pelaburan negara dengan memperkasa sektor pembuatan selain fokus terhadap sektor perkhidmatan.

"Cabaran semakin besar, kita perlu gerakkan usaha menyakinkan pelabur asing mengapa Malaysia destinasi pilihan berbanding negara Asia lain," katanya.

Promosi perlu digerakkan bagi menarik minat pelabur asing agar Selangor menjadi pilihan utama, lantaran memiliki lokasi strategik dan kemudahan bertaraf antarabangsa.

Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan 'Selangor Expo' sebuah program khusus untuk menarik pelabur asing dan domestik bermula 2015 melibatkan syarikat dalam dan luar negara.

Ia bagi dijadikan platform untuk syarikat industri kecil

# Mencipta peluang ekonomi baru



**Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan 'Selangor Expo' sebuah program khusus untuk menarik pelabur asing dan domestik bermula 2015 melibatkan syarikat dalam dan luar negara. Ini salah satu program untuk menjadikan Selangor pusat perdagangan antarabangsa. Ia serampang dua mata. Kita wujudkan platform untuk IKS memasarkan barangan di pasaran dunia**

**Teng Chang Kim  
Exco Pelaburan**

dan sederhana (IKS) di Selangor mengembangkan sayap perniagaan ke luar negara.

"Ini salah satu program untuk menjadikan Selangor pusat perdagangan antarabangsa. Ia serampang dua mata. Kita wujudkan platform untuk IKS memasarkan barangan di pasaran dunia," katanya.

Prestasi pelaburan Selangor bermula 2000 hingga 2014 terus cemerlang dengan mencatatkan nilai pelaburan tertinggi RM117.75 bilion daripada 4,173 projek perkilangan iaitu 19 peratus daripada semua pelaburan yang diluluskan seluruh negara.

Sejumlah RM60.45 bilion dari pelaburan tempatan dan RM57.30 bilion membabitkan pelaburan asing sepanjang 14 tahun itu manakala 328,168 potensi peluang pekerjaan diwujudkan.

Sementara itu, Pusat Pelaburan Selangor (SSIC) selaku agensi pemudah cara dalam urusan pelaburan negeri dijenamakan semula dalam usaha

memacu pelaburan.

SSIC - sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang beroperasi sejak 1999, dijelmakan sebagai Invest Selangor Berhad (ISB) demi memperkukuh sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan, sekaligus memacu sektor pelaburan ke arah lebih membanggakan.

Penjenamaan itu memberi imej baru di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam mempromosi Selangor sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan terunggul.

Kerajaan Negeri menyedari peri pentingnya pelaburan bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, maka perancangan strategik dimantapkan dengan mencipta kawasan baru yang menyokong kegiatan perkilangan dan pengembangan sektor perkhidmatan.

Pelaburan diberi penekanan kerana mempunyai kesan gandaan dari sektor perkilangan untuk membantu industri lain seperti perumahan, komersil, lo-

gistik, pusat latihan kemahiran, perkhidmatan kesihatan, industri makanan dan perhotelan.

Prestasi pelaburan Selangor pada 2014 terus meningkat dengan mencatatkan jumlah tertinggi projek diluluskan berbanding negeri lain iaitu sebanyak 153 projek dengan nilai berjumlah RM4.58 bilion.

Daripada jumlah modal pelaburan itu, RM2.70 bilion atau 59 peratus dari pelabur tempatan dan RM1.88 bilion atau 41 peratus dari pelaburan asing dengan 9,659 peluang pekerjaan diwujudkan.

Melalui usaha itu, Kerajaan Selangor dijangka mampu menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini, seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan dan meninggikan taraf hidup rakyat.

Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia perlu bercita-cita, bukan sahaja memastikan ekonomi berkembang lebih cepat tetapi juga memastikan pertumbuhan berkualiti memacu perubahan ekonomi negara.

Sasar bina 35,000 Rumah Mampu Milik

# Perumahan untuk rakyat

OLEH AFEEQA AFEERA

**M**EMILIKI kediaman dalam keadaan ekonomi tidak menentu umpama sesuatu yang mustahil, lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpendapatan rendah mahupun sederhana.

Namun, kerajaan Selangor pimpinan Pakatan Rakyat membuktikan ia bukan hal mustahil - sekalipun dalam keadaan ekonomi tidak menentu, hasil perancangan teliti dan teratur.

Komitmen tinggi demi memastikan golongan berpendapatan sederhana dan rendah memiliki kediaman direalisasikan melalui pembinaan Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku.

Kerajaan Selangor menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30 hingga 40 peratus iaitu kira-kira 35,000 unit kediaman yang dibina di negeri ini, ialah rumah mampu milik.

Apatah lagi, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad mensyaratkan pemaju yang perlu membina rumah mampu milik terlebih dahulu sebelum meneruskan projek perumahan lain.

Mengikuti polisi, Rumah Selangorku memfokus kepada pembinaan kediaman di mukim atau daerah yang mendapat permintaan tinggi.

"Kita mengambil masa panjang untuk membuat draf polisi Rumah Mampu Milik kerana kita tetapkan mengikut mukim atau daerah mestilah melebihi lima atau 10 ekar.

"Kita tetapkan antara 30 hingga 40 peratus bagi membina Rumah Selangorku dengan harga antara RM42,000 hingga RM250,000," katanya.

Malah, kerajaan Selangor turut menetapkan semua projek Rumah Mampu Milik dibina di setiap daerah sebelum tahun 2018.

Sebanyak 1,977 unit siap antara 2008 hingga 2014 manakala 10,895 unit antara 2014 hingga 2020 dan baki 18,128 unit, pada 2021 hingga 2031.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pula memberi subsidi antara RM30,000 hingga RM100,000 untuk setiap unit rumah mampu milik dengan anggaran perbelanjaan sehingga RM3 bilion secara keseluruhan.

Kesungguhan membina rumah mampu milik dalam tempoh singkat dibuktikan melalui pengenalan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang menetapkan sasaran



Rumah Mampu Milik Bandar Sungai Long merupakan projek RMM ketiga yang dibina Kerajaan Negeri Selangor.

Gambar kecil: Iskandar Samad

pembinaan 15,000 unit kediaman.

Ia dilakukan melalui peruntukan sejumlah RM10 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Melalui skim itu, Kerajaan Selangor merancang untuk membeli rumah kos rendah dan menyewakannya kepada pembeli yang gagal mendapat pinjaman bank.

Selepas dua tahun menyewa, mereka boleh membuat pilihan sama ada membeli rumah itu dan sebahagian sewa yang dibayar sepanjang tempoh ditolak dari harga rumah.

"Jika mereka belum mampu membuat pinjaman bank, mereka boleh terus menyewa sehingga mereka mampu.

"Mereka juga boleh menyewa sehingga bayaran mereka dapat menampung keseluruhan harga rumah," kata Iskandar.

Sebenarnya, projek Rumah Mampu Milik itu lebih murah berbanding Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) berikutan ia dibina sendiri anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju lain terlibat.

Amalan itu berbeza dengan Kerajaan Pusat yang membeli projek perumahan pemaju tertentu menyebabkan harga rumah mampu milik melalui PR1MA

tidak kompetitif dan mahal.

"Mereka sasar 80,000 unit rumah PR1MA, mana dia? Tidak ada. Apa yang mereka buat, mereka beli projek, bukan bina projek oleh PR1MA.

"Bila dibeli dari sektor komersial, mereka tidak dapat beri harga mampu milik. Maka Kerajaan Negeri perlu ambil peranan.

"Bila bina rumah, ia mewujudkan aktiviti ekonomi melibatkan 27 industri lain," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali pada satu majlis baru-baru ini.

Sebagai permulaan, projek rumah kos rendah Ukay Indah, Sungai Sering dan Pangsapuri Rimba dipilih sebagai projek perintis melibatkan 220 keluarga peneroka bandar.

Semua peserta skim Dana-Sel diberi rumah kos rendah untuk disewa, seterusnya memiliki kediaman selepas mencapai tempoh matang.

Bagaimanapun, ada syaratnya. Tetapi tidaklah seketat mana sebaliknya munasabah, malah menguntungkan penyewa itu sendiri.

Antaranya, peserta perlu membayar sewa bulanan dan lain-lain bayaran seperti caj pengurusan, cukai tanah, cukai pintu, insurans kebakaran serta bil

utiliti lain.

Selain itu, mereka dilarang menyewakan unit mahupun bilik kepada pihak ketiga. Dan, jika selesai melunaskan bayaran dan tiada tunggakan, rumah berkenaan akan dipindah milik kepada individu berkenaan.

Selain itu, LPHS mula merangka kerja pembinaan 1,800 unit rumah mampu milik di Shah Alam melibatkan Seksyen U1 Glenmarie dan Seksyen 35 dengan keluasan tanah 24.7 ekar.

Pembinaan rumah mampu milik itu dijangka siap pada 2018 dan dijual dengan harga antara RM200,000 hingga RM250,000 seunit.

LPHS turut memperoleh 11 lot tanah untuk membangunkan rumah mampu milik dengan keseluruhan keluasan lot tanah ialah 82.06 ekar.

Antaranya di Taman Bangi Indah (Kajang), Bandar Baru Kuala Selangor, Kampung Merbau Indah (Kuala Selangor), Ladang Air Manis (Sabak Bernam) dan Kampung Galung Tengah, Hulu Yam.

Perancangan teliti dan amalan peduli rakyat menjadikan kemuraman ekonomi semasa tidak sama sekali menjejaskan kerancakan pembinaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negeri ini.

Bahasa Melayu pada abad ke-21 perlu dimartabatkan bagi memastikan kedudukan dan peranannya sebagai wahana pemikiran dan rasionaliti. Biarpun, kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan termaktub dalam Perlembagaan tetapi kondisi itu belum menjamin kekuatannya jika belum menjadi wahana kepada ilmu dan pemikiran tinggi.

Lantaran itu, strategi memperkaya bahasa Melayu agar ia menjadi bahasa pencerahan dan budaya tinggi diumumkan. Wartawan SelangorKini, **NAEEM RAFFI** menemu bual Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan mengenai usaha berkenaan.

# Pengangkatan sebagai bahasa tamadun

**Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah memurnikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan memastikan penggunaannya mengikut tata bahasa dan diluluskan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Komen?**

Arahan itu menepati peraturan bahawa semua iklan dan nama khas yang hendak dipaparkan di tempat awam hendaklah mendapat pengesahan DBP lebih dahulu. Pada

2013, DBP menyemak dan mengesahkan lebih 37,000 draf iklan dan nama khas di tempat awam. Namun, DBP yakin peraturan itu belum dilaksanakan sepenuhnya oleh kebanyakan PBT. Maka arahan itu amat dialu-alukan.

Mesyuarat Negara bagi PBT yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 4 Mac 2014 juga meluluskan ketetapan agar PBT mewajibkan pengiklan dan semua agensi termasuk agensi

kerajaan mendapat sijil kelulusan bahasa DBP sebelum permit diberi.

**Untuk memperkasa dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Selangor, apakah yang perlu diberi perhatian?**

Pertama, kerajaan negeri perlu mewajibkan semua institusi pendidikan di bawah kawalan kerajaan negeri melaksanakan dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama.

Kedua, karya ilmu dalam bahasa Melayu, baik makalah untuk jurnal mahupun buku hendaklah diiktiraf untuk kenaikan pangkat dan pemberian insentif lain kepada kakitangan akademik.

Ketiga, perlu disediakan geran penyelidikan tentang pelbagai aspek kearifan setempat di Selangor seperti sejarah, tokoh, seni budaya, teknologi, flora dan fauna dan bidang lain untuk diterbitkan, khususnya dalam bahasa Melayu, sebagai sumbangan kepada negeri dan negara dalam mengimarah ilmu.

**Dalam Belanjawan Selangor 2015, kegiatan penterjemahan karya antarabangsa dipergiat dengan insentif diberi. Pandangan?**

Usaha itu menepati agenda peningkatan tamadun setempat kerana karya besar daripada tamadun lain dalam bidang ilmu dan susastera dapat memberi nilai tambah yang penting.

Perlu ada pemetaan atau perancangan kategori ilmu dan sastera yang mewakili karya besar beberapa tamadun sedunia untuk diusahakan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu.

Usaha terjemahan karya besar kita perlu juga dilakukan agar unsur kearifan setempat dalam beberapa bidang dapat diketengahkan ke persada antarabangsa sebagai sumbangan tamadun kita kepada tamadun dunia. Hal ini dapat juga



Dr Awang Sariyan

mengimbangi proses globalisasi yang selama ini condong dari Barat ke Timur dan sangat kurang dari Timur ke Barat.


**Apa usaha lain yang boleh dilaksanakan Kerajaan Selangor untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu?**

Antaranya termasuklah meluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor kritikal seperti bidang ekonomi. Usaha dapat dilakukan melalui perbadanan dan syarikat di bawah kerajaan negeri agar bahasa Melayu memperoleh nilai ekonomi.

Usaha lain ialah meningkatkan kegiatan pasyarakat bahasa dan persuratan kebangsaan dalam pelbagai lapisan masyarakat dan golongan agar bahasa Melayu merentas seluruh etnik dan golongan dengan lebih berkesan sebagai bahasa perpaduan dan wahana komunikasi tamadun.

**Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sering menggunakan bahasa Melayu baku ketika berucap dan penguasaan bahasa beliau menjadikan ucapannya lebih jelas. Komen?**

Ketrampilan komunikasi memang menjadi salah satu prasyarat bagi pemimpin yang berkesan. Idea yang baik perlu dibantu oleh kekuatan komunikasi, khususnya melalui bahasa. Keupayaan menyesuaikan bahasa dengan pelbagai khalayak amat penting, selaras dengan tuntutan agama agar seseorang bercakap selaras dengan kemampuan khalayak khususnya.



## Mahkota Residensi @ Ara, PJ


JALAN SEROJA

*Lambang Komuniti Berprestij*

### Rumah Bandar 3 Tingkat

- 5 bilik tidur & 5 bilik mandi
- Anjung kereta untuk 2 buah kereta
- Komuniti berpagar & berkawalan keselamatan
- Harga min. **RM898,980** maks. **RM998,980**

*Diskaun 7% untuk Bumiputra*



**Untuk RUMAH BANGUNAN SIAP DIBINA**

Pemaju: **KLH Properties Management Sdn. Bhd.**  
2-0-13, Ground Floor, Menara KLH (Business Centre), No. 2, Jalan Kasipillay, 51200 KL.  
(265156-D) Faks: 03-2381 1222

**03 2381 1333**

• No. Lesen Pemaju: 11497-1/01-2016/127 - Tempoh Sah: 27/01/2011-2016  
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Pembangunan: MBPJ  
• No. Rujukan Pelan Pembangunan: MBPJ/120100/T/P10/1136/2010  
• Tarikh Dijangka Siap: Disember 2013 • Pegangan Tanah: Pajak 99  
• Tempoh berakhir 1 Feb 2079 • Bebanan Tanah: Digadai pada OCBC Bank  
• No Unit: 17 • Harga Min: RM898,980 • Harga Maks: RM998,980  
• Diskaun 7% untuk Bumiputra

Maklumat, perspektif dan pelan yang terkandung dalam risalah ini adalah tertakluk kepada pianda seperti yang diwajibkan oleh Pihak Berkuasa dan perunding-perunding. Semua lukisan adalah gambaran artis sahaja. Sementara semua langkah munasabah telah diambil untuk menyediakan maklumat ini, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang ketidaktepatan.

Pembiayaan Kewangan:

**OCBC Bank**

**UOB**

**S**epanjang lebih 30 tahun aktif dalam industri muzik, M Nasir atau nama sebenarnya, Muhamad Nasir Muhammad menghasilkan lebih 2,000 lagu. Bakatnya bukan hanya di lapangan seni muzik. Beliau juga pelakon, pengarah filem dan pelukis. Ikuti temu bual Selangor Kini dengan M Nasir.

**Pandangan mengenai dunia seni muzik Malaysia dalam tempoh sedekad lalu dan apakah cabaran utama untuk memajukannya?**

Dunia musik Malaysia khususnya dunia musik rakaman mengalami beberapa perubahan. Jika pada tahun delapan puluhan dikejutkan dengan adanya musik video yg dikatakan permulaan luntarnya keghairahan mendengar dengan membeli musik. Sedekad lalu, realiti TV, muzik indie dan Youtube bercakap dengan generasi yang mendapatkan musik dari muat turun haram, menyambung legasi cetak rompak sebelum itu lagi.

Walaupun dengan perubahan teknologi tak dapat memperbaiki industri bahkan membawa ke jurang yang lebih gelap lagi. Kita melihat perubahan sikap dari pengaruh musik British, Amerika dan Indonesia.

Kita sebenarnya masih belum bertemu identiti yang kita cari mahupun kualiti yang kita harapkan, namun masih ada jalan usaha jika kita meningkatkan pengetahuan, semangat berkarya dan meletakkan garis kualiti yang tinggi, kita boleh mengatasi masalah sekarang.

**Penjualan album sebagai sumber utama pendapatan merudum sejak hampir 20 tahun lalu dan kebelakangan ini penjualan digital juga menurun; apakah sumber utama lain untuk menjadikan industri muzik terus berdaya saing?**

Semua yang melibatkan pasaran dan memasyhurkan kita kena lakukan dengan profesional. Soalnya, perlukah kita adakan undang-undang? Menekan pihak yang bertanggungjawab mempopularkan musik tempatan untuk lebih mengutamakan musik tempatan? Mungkin itu yang harus kita fikir secara serius.sekarang, selain menerima hasil yang sedikit dari penjualan muat turun.

Karyawan lebih menerima pendapatan daripada persembahan live dan royal-ti persembahan daripada hak cipta. Se-telah itupun terganggu, karyawan tiada tempat lagi. Segalanya bermula daripada lagu yang dicipta dan penyanyi yang merakamkannya, dan yang lain mengekori seperti penerbit, penggubah. perakam sehingga pen-

# Memasyhurkan identiti tempatan



Mohamed Azmin diapit Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafie dan M.Nasir selepas Konsert Hati Emas Kembara di Istana Budaya

tadbir industri dan penjualan alat musik dan rakaman serta cenderahati para artis.

**Apakah ada tanda tren persembahan pentas (konsert) akan kembali maju sepertimana di era rock 1980-an dan 90-an?**

Persembahan pentas juga mengalami nasib yang tak menentu. Dewasa ini hanya beberapa artis saja yang boleh dikatakan layak membuat persembahan pentas, dengan tak mudah mendapat penaja dengan biaya yang mahal kerana harapan penonton yang tinggi. Juga masalah tempat yang berkurangan serta mahal. Promosi sebuah persembahan pentas biayanya juga sungguh mahal dan timing sesebuah persembahan sangat kritikal. Jangan ia bertembung dengan event lain yg menerima banyak publisiti seperti perlawanan bola sepak.

Hanya artis yang mempunyai banyak lagu hit sahaja yang lebih mendapat perhatian. Artis kini hidup dengan persembahan makan malam dan konsert percuma anjuran media besar atau kerajaan.

**Kajian menunjukkan industri kreatif merupakan antara industri strategi dalam pertumbuhan ekonomi dunia akan datang... apakah strategi utama yang harus dilaksanakan oleh**

**dilaksanakan bagi menjayakannya bagi tahun hadapan?**

Gagasan yang cukup bagus dan tepat pada masa, bahkan lebih bagus jika pengisiannya cukup dan berkualiti. Mungkin apa yg harus dibuat adalah mengumpulkan karyawan seniman bersemeja untuk memberi input pada gagasan yang besar itu. Saya jangka ini bukan rancangan yang murah dan iseng-isengan.

**Syarikat Dato' sendiri, yakni Luncai Emas Sdn Bhd berdaftar di negeri Selangor dan banyak lagi syarikat berkaitan industri kreatif yang lain yang berdaftar di Selangor dan secara tak langsung syarikat-syarikat ini memberi pulangan kepada negeri. Sejauh mana inisiatif yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Negeri khususnya untuk memajukan syarikat industri kreatif?**

Industri memang harus dibantu dengan moral dan insentif yang relevan. Tiap syarikat punyai ciri khas masing-masing bergantung kebolehan mereka. Keperluan mungkin berbeza, namun ada sesuatu yang sangat dasar seperti membasmi cetak rompak dan membasmi muat-turun haram perlu di lakukan dengan segera. Menghentikan penguasaan satu-satu syarikat atau pemonopolian yang menghalang kompetisi sehat juga adalah isu dalam industri kreatif.

**Bercakap mengenai band rock di mana pernah dilabel sebagai antara unsur yang merosakkan pemikiran dan kelakuan anak muda satu ketika dahulu sehingga penyanyi band se-perti Amy (Search) dan Awie (Wings) pernah dipotong rambut, apakah Dato' fikir bagi tempoh akan datang akan wujud campurtangan politik dalam urusan seniman untuk berkarya?**

Saya harap kita sudah matang.

**Betapa pentingnya kebebasan kepada seniman dalam maksud untuk berkarya?**

Sangat penting.

**kerajaan untuk menyambut konsep ekonomi baru ini?**

Memudahkan segala-galanya, perbaiki prasarana, inisiatif pada karyawan-karyawan yang layak, memperbanyakkan promosi mengiktiraf industri kreatif dan mengadakan regulasi yang berkesan.

**Apakah kita mampu menembusi pasaran antarabangsa, bukan sahaja dengan muzik tetapi dengan filem sebagai produk industri kreatif?**

Jika kita mahu kita boleh, yang kita perlu ada adalah sikap global di mana apapun kita buat bangsa dunia boleh menerimanya. Sebelum itu beberapa perubahan perlu berlaku, dengan kemahiran yang tinggi, cita rasa, rajin dan berdisiplin. Kita perlu ada rasa seni yang kuat.

**Apakah Malaysia harus terikut-ikut dengan gaya dan cara mereka menghasilkan dan mempromosi produk industri kreatif mereka?**

Melihat kejayaan mereka kita kekadang tertanya-tanya kenapa tidak kita? Sebenarnya kita dihalang oleh tembok yang kita cipta dan kesungguhan kita yang tak berkualiti.

**Pandangan mengenai gagasan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni? Apakah yang difikirkan perlu**





# Aktiviti seni jana sumber ekonomi kreatif

OLEH MOHD EZLI MASHUT

**TAKJUB**, teruja, terpegun. Itu perasaan apabila melangkah ke Tapak Galeri Seni milik Yusof Ghani di Seksyen 8 Shah Alam yang menghimpunkan karya seni bertaraf antarabangsa.

Bagaikan berada di alam fantasi, kreativiti seni dan ekspresinya terserlah dengan himpunan karya seni beliau sejak menceburi bidang itu kira-kira 40 tahun lalu.

Yusof adalah nama besar yang terkenal sebagai pelukis prolific. Asalnya seorang artis grafik yang beralih kepada seni halus selepas menerima geran kerajaan untuk mengkaji seni di George Mason University, Virginia pada 1979.

Di sana, beliau bertemu Walter Kravitz, seorang profesor dalam lukisan yang memperkenalkannya kepada seni halus dan galakan terus melukis.

Beliau kemudian didedahkan kepa-

da dunia seni sebagai wahana untuk ekspresi diri, bukan mengejar dunia komersil.

Yusof menerima pendidikan awal di sekolah menengah di Johor dan melanjutkan pelajaran ke Washington DC Amerika Syarikat dalam bidang seni grafik halus pada 1979, semasa bertugas di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam bidang grafik.

Beliau pernah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan utama seperti Major Award UNESCO Art for Asia pada 1985, Pertandingan Seni PNB (1985) dan anugerah Prof Madya di UiTM dalam bidang seni.

Pada 1984, beliau kembali ke Malaysia dan menghasilkan karya kolektif bersiri seperti Tari (1984-1993), Topeng (1993-1996), Wayang (1996-1998), Hijau (1999-2002), Segerak (2002-2006), Biring (2006-2007), Wajah (2008-2010), Ombak (2010-2014).

Menceritakan detik-detik awal menjadi pelukis, Yusof masing ingat, kecenderungan itu dibantah keras

babanya tetapi dengan seribu tekad, beliau ke Kuala Lumpur dengan keazaman membara untuk menjadi pelukis.

Pada awal 80-an, beliau mengalami kepayahan lantaran sukar menjual lukisan kerana penerimaan masyarakat masih janggal dan hanya menjualnya pada RM2 ke RM3.

Namun, pada dekad 90-an suasana itu berubah. Orang muda mulai menghargai karya seni yang dan ramai sanggup membayar pada harga tinggi.

Dari situ, Yusof mula menapak tangga kejayaan. Antara pameran solo peringkat antarabangsa yang pernah disertai ialah Singapura, Jakarta Indonesia, Vancouver Canada, San Francisco dan Washington DC.

Pameran berkumpulan disertai pula seperti London, Madrid, Prague, Moscow, Baghdad, Abu Dhabi, Dubai, Karachi, India, Bangkok, Hanoi, Beijing, Seoul, Tokyo, Jakarta, Singapura.

Pameran dalam negara antara

terbesar ialah di Galeri Petronas KLCC yang berlangsung di Galeri Sasana Kijang, Bank Negara sehingga 18 Januari 2015.

Beliau juga menghasilkan buku dokumentasi lukisan bertajuk 'Ombak: Breath of Life' terbitan Muzium dan Galeri Bank Negara. Ia sebagai inspirasi kehidupan manusia seperti ombak yang ada pada turun naiknya.

Bagi menyemarak aktiviti seni, Yusof berpendapat Kerajaan Selangor perlu mewujudkan muzium seni kontemporari yang menempatkan karya seni tanah air khususnya Selangor dan karya peringkat antarabangsa.

Selain itu, kerajaan Selangor wajar mewujudkan dana dan geran untuk pelukis muda sebagai galakan dalam kesinambungan berkarya.

Dana dan geran itu, kata Yusof, diteruskan sehingga ke satu peringkat apabila ada pihak tertentu dapat memasarkan karya pelukis itu. Pilihan boleh dibuat antara 10 ke 20 orang setiap tahun geran dan dana itu.



Dalam usaha menjadikan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni yang menjadi Rumah Besar Seniman, Kerajaan Selangor harus mewujudkan ruang pameran bertaraf antarabangsa.

“Perlu sediakan residensi artis dan pelukis khas di Selangor untuk pelukis berkarya selama tempoh enam bulan, pemasaran dan pameran dapat dibuat pada masa sama di resi-

densi itu,” katanya.

Apabila ada sistem sedemikian, katanya, ia memberi peluang kepada pelukis untuk pergi lebih jauh terutama menyertai pameran antarabangsa manakala karya tertentu boleh dikenal pasti untuk dilelong di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau juga menyarankan penggiat seni muda untuk bukan sekadar mengangkat nama tetapi juga memberi sumbangan besar kepada kemajuan seni.

Yusof mendapati ramai pelukis muda berbakat tetapi tidak berani ke depan dan kurang keyakinan diri.



“Hilangkan elemen ‘inferiority complex’ melalui pendedahan dan asuhan secara berterusan supaya dapat membantu pembangunan seni, khususnya Selangor,” katanya.

Yusof percaya Selangor berpotensi besar sebagai pusat aktiviti seni di negara ini kerana lokasinya strategik, apatah lagi Shah Alam sebagai gerbang utara-selatan.

Ia ditambah dengan kewujudan tiga universiti yang menawarkan bidang seni - Unisel, UiTM, MSU yang membantu industri seni tanah air.

Kewujudan IPT itu perlu digembeling bersama kerana seni kini adalah industri yang berkembang pesat dan berpotensi besar.

Tidak ramai tahu, pada 2011, ekonomi kreatif yang dikenali ekonomi jingga nilainya USD4.3 trilion. Ia 20 peratus lebih besar daripada ekonomi

Jerman dan dua setengah kali ganda daripada keseluruhan perbelanjaan ketenteraan seluruh dunia.

Mengikut United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), antara 2002 hingga 2011 eksport barang dan perkhidmatan kreatif meningkat 134 peratus.

Beliau juga menaruh harapan untuk menganjurkan ‘International Art Biennale Shah Alam’ setiap dua tahun sekali gus menjadi pelopor di Malaysia.

“Unisel dan UiTM boleh menyediakan ruang dan peluang untuk menganjurkan seminar dan konferens seni,” katanya, menambah Galeri Shah Alam dan Galeri Tapak boleh dijadikan ruang pameran manakala dan Tasik Shah Alam sebagai lokasi pameran arca.

“Galeri Tapak umpama mercu tanda unik yang mempamerkan hasil karya seni yang boleh nampak. Ia juga menjadi pusat pembelajaran untuk seni kepada orang ramai,” katanya yang sedia berbincang hal itu.

Yusof yakin ia dapat memberi pengenalan kepada artis luar negara dan sedia menghubungi pelukis Amerika Latin, Eropah, Timur Tengah, Asia Tenggara dan Australia untuk membawa mereka ke Shah Alam.

“Anggaran kos sekitar RM2 juta. Pensyaran perlu dibuat terhadap karya terutama dari segi saiz dan bilangan lukisan untuk mengelakkan kos tambahan pada insuran dan logistik,” katanya.

Beliau percaya kerajaan Selangor menjadi harapan penggiat seni dalam menghasilkan karya bermutu melalui sokongan moral dan kewangan.

Apatah lagi, Dato’ Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dilihatnya bersungguh-sungguh mahu merencanakan industri seni, malah menamai Shah Alam menjadi Bandar Raya Kreatif, selain Kota Seni bersama Petaling Jaya.

**Kerajaan Selangor perlu mewujudkan dana/geran untuk diajukan kepada pelukis muda sebagai galakan dalam kesinambungan untuk berkarya. Dana/geran itu harus diteruskan sehingga ke satu peringkat apabila ada pihak tertentu dapat memasarkan karya pelukis tersebut. Pilihan boleh dibuat antara 10 ke 20 orang setiap tahun untuk pemberian geran/dana itu**

## Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni

'Shah Alam *Peace Yo!*'

OLEH HASMI HASHIM

**B**ELANJAWAN bukan sekadar urusan belanja-belanja duit semata. Dalam Belanjawan 2015 itu, Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni' turut diumumkan — pertama di Malaysia.

Pengumuman itu dilatari dengan kesedaran bahawa Selangor adalah negeri paling ramai menghimpunkan seniman daripada pelbagai cabang seni budaya. Di Selangor ada pelukis, ada pelakon, pemuzik, pengarah filem, penulis kreatif sehingga penerbit buku indie.


Pemerintah yang sensitif harus sedar bahawa golongan seniman bukan sahaja berkarya suka-suka. Mulai detik ini, seni dan seniman juga dilihat sebagai aset dan penyumbang besar kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri.

Kira-kira dua minggu selepas Azmin mengumumkan gagasan 'Kota Seni' di Jakarta, Presiden Jokowi merasmikan Festival Filem Indonesia. Dalam ucapannya, Jokowi mengumumkan penubuhan sebuah jabatan baru yang akan memastikan kemajuan filem republik berkenaan. Betapa Jokowi melihat peri penting pertumbuhan filem Indonesia sebagai 'wajah bangsa', jabatan perfileman itu diarah diletakkan langsung bawah pejabat presiden.

"Para hadirin jangan kaget (terkejut), Presiden senang nonton filem Indonesia," ucap Jokowi dengan disambut tepukan gemuruh hadirin. Presiden Jokowi bukan hanya bercakap tentang perfileman Indonesia, beliau sesungguhnya bercakap tentang konsep 'industri kreatif' itu sendiri.

"Ini (perfileman Indonesia) akan menjadi sebuah kekuatan ekonomi kreatif kita," ucapnya lagi sepertimana dipetik. Apakah itu 'ekonomi kreatif' sepertimana yang dilontar Jokowi di Jakarta mahupun oleh Mohamed Azmin di Shah Alam?

Di Malaysia, perkataan dan idea mengenai 'ekonomi kreatif'



**Auditorium Teater Shah Alam akan diaktifkan dalam masa terdekat**

ternyata masih asing. Kita tidak pernah mendengar gagasan seumpama dilontar dalam Belanjawan mana-mana Perdana Menteri sekalipun sebelum ini, jauh sekali oleh menteri berkaitan hal kebudayaan.

Di Parlimen United Kingdom beberapa tahun lalu, ahli parlimen negara berkenaan berusaha memaknai konsep 'ekonomi kreatif'. Beberapa lapangan kebudayaan, misalnya lukisan, animasi, rekaan fesyen, pertunjukan pentas dan lain-lainnya ditafsir sebagai aktiviti seni yang diiktiraf sebagai industri.

Dalam kata mudah, UK sebagai sebuah negara maju menyedari mereka tidak dapat lari daripada melihat bahawa pertumbuhan ekonomi kreatif sesuatu yang sangat segera perlu diberi perhatian untuk tahun-tahun mendatang.

Kesedaran ahli parlimen UK itu juga seiring dengan 'Laporan Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Industri Kreatif' yang terbit tahun lalu. Laporan itu mengesahkan bahawa 'industri kreatif' kini sedang berkembang di banyak negara dan menjadi antara sektor ekonomi yang mustahak untuk pertumbuhan masa depan sesebuah negara.

Sangling mustahaknya semua itu, PBB kemudiannya menganjurkan 'Forum Antara-bangsa Mengenai Kebudayaan dan Industri Kreatif' pada awal Oktober lalu di Florence, Itali.

Di kalangan pakar ekonomi, 'ekonomi kreatif' juga disebut sebagai 'ekonomi jingga'. Banyak kajian dilakukan tentang potensi bidang ekonomi ini termasuk di beberapa negara di Asia Tenggara, khususnya Indonesia dan Singapura.

Pada 2011, nilai ekonomi kreatif dijana di seluruh dunia bernilai USD4.3 trilion atau sekitar RM14.1 trilion. Jumlah berkenaan barangkali bagi lebih seratus tahun daripada jumlah Belanjawan Malaysia!

Jumlah itu juga adalah 20 peratus lebih besar daripada saiz ekonomi Jerman, atau dua setengah kali ganda daripada perbelanjaan ketenteraan bagi negara seluruh dunia. Malahan, menurut Persidangan Antarabangsa Perdagangan dan Pertumbuhan (UNCTAD), antara 2002-2011 nilai 'ekonomi kreatif' dianggarkan tumbuh lebih 120 peratus.

Bolehkah kita bayangkan bahawa sejak Era Reformasi 1998, iTunes dilaporkan menjual 50 bilion lagu atau dimuat turun daripada aplikasi mereka. Setiap

**Di Malaysia, perkataan dan idea mengenai 'ekonomi kreatif' ternyata masih asing. Kita tidak pernah mendengar gagasan seumpama dilontar dalam Belanjawan mana-mana Perdana Menteri sekalipun sebelum ini, jauh sekali oleh menteri berkaitan hal kebudayaan**

lagu berharga sekitar RM32. Tentu sahaja nilai tersebut lebih besar daripada mana-mana syarikat milik kerajaan sekalipun.

Ini belum termasuk nilai dan pulangan kepada filem-filem utama yang dihasilkan sehingga sepuluh filem keluaran Hollywood seperti Lion King, Mamma Mia, Miss Saigon dan Cats misalnya memungut hasil sejumlah USD29.6 bilion termasuk jualan produk cenderahati. Jumlah itu ternyata lebih besar daripada kos pembinaan Ampangan Three Gorges di China yang berharga USD25 bilion.

Seperti mana yang dirungkai oleh seorang ahli ekonomi Amerika, John Howkins, 'ekonomi kreatif' adalah persoalan bagaimana membuat wang dan keuntungan daripada idea. Idea dan pemikiran kreatif hari ini bukan lagi sesuatu yang murah atau percuma. Mungkin atas kesedaran itu, kita di Malaysia dapat lihat bagaimana sesetengah pengeluar t-shirt seperti 'Kuku Bersiung' dapat mengeluarkan produk mereka dengan begitu laris di pasaran.

Hanya, bagaimanakah kerajaan dapat membantu agar industri yang berkaitan kreativiti ini dapat benar-benar memberi sumbangan kepada pertum-

buhan ekonomi? Saban tahun, banyak pusat pengajian tinggi yang melahirkan graduan di bidang kreativiti.

Sayang sekali sekiranya sumber manusia ini gagal dimaksimum dan mereka hanya terpesuk menjadi kakitangan kerajaan sahaja misalnya tanpa mempunyai daya usaha perniagaan sendiri.

Meski tanpa data tepat, namun kita juga percaya bahawa syarikat yang berkaitan industri kreatif juga banyak yang berdaftar di Selangor — satu lagi kelebihan bagi Selangor yang tidak dimiliki oleh negeri lain di Malaysia.

Dalam ucapan sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor, Dato' Menteri Besar turut mengilhami gagasan Shah Alam sebagai Youth City.

Justeru, 70 peratus penduduk Shah Alam adalah anak muda, maka perancangan prasarana perlu dibuat agar Shah Alam menjadi tempat anak muda belajar, bermain, belajar dan bersantai.

Bayangkan bagaimana Shah Alam dan PJ dapat menjadi tapak strategik kerana kedua bandaraya ini mempunyai prasarana seperti Panggung Teater Shah Alam dan Dewan Sivik PJ.

Kedua-dua pentas utama ini boleh diaktifkan. Bahkan bagi penggemar lukisan, PJ adalah antara kawasan yang paling banyak galeri seni lukis. Mengambil pengalaman daripada Singapura, di kota itu terhadap rumah lelongan lukisan yang membawa pulangan jutaan ringgit setahun. Di Asia Tenggara, Singapur adalah satu-satunya negara yang mempunyai rumah lelongan lukisan sendiri.

Semua potensi ini akan menjelma di bawah pentadbiran baru di Selangor, sesuatu yang dinanti-nantikan sekian lama. Kini khabar gembira pun tiba. Selangor baharu adalah Selangor yang bukan sahaja menjaga ketulusan seni-budaya tradisi, bahkan beberapa tahun ke depan ini, Selangor bakal muncul sebagai negeri seni moden paling mega di Malaysia dan di Asia Tenggara.

# Sukan: Beri peruntukan lebih

**PEMBANGUNAN** sukan di Selangor penting demi kemajuan negeri ini dan harus bergerak seiring dengan pembangunan lain.

Pelbagai kemudahan sedia ada perlu ditingkat bagi menarik golongan muda memababtkan diri secara aktif dalam arena sukan.

Dari situ, Selangor mampu mencungkil bakat baru dalam pelbagai lapangan sukan untuk digilap bagi mewakili negeri khususnya dan negara amnya.

Bekas ratu boling negara, Shalin Zulkifli percaya kepimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bakal membawa memajukan lagi bidang sukan di Selangor.

"Saya harap beliau membangunkan lagi sukan di Selangor kerana negeri ini ada banyak kemudahan berbanding negeri lain tetapi tidak digunakan sepenuhnya.

"Dari segi prasarana, gim-

**Saya harap beliau membangunkan lagi sukan di Selangor kerana negeri ini ada banyak kemudahan berbanding negeri lain tetapi tidak digunakan sepenuhnya**

**SHALIN ZULKIFLI**

nasium yang lengkap dengan segala kemudahan dan peralatan latihan penting bukan setakat untuk bowling tetapi juga sukan lain," katanya yang memberi contoh kemudahan gimnasium di Seksyen 6, Shah Alam perlu ditingkat.

Shalin yang pernah dinobat

Olahragawati Kebangsaan lima kali berkata, kekangan peruntukan juga wajar diatasi Kerajaan Negeri bagi mencapai misi memajukan sukan di Selangor.

"Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor perlu menyalurkan peruntukan lebih kerana RM40,000 setahun memang tidak cukup untuk keperluan latihan dan mengasah bakat baru.

"Seterusnya menghantar pemain menyertai kejohanan sebagai pendedahan memerlukan perbelanjaan besar," kata bekas pemain nombor satu Asia yang kini berperanan sebagai jurulatih.

Shalin berharap suatu hari kelak sebuah pusat latihan bowling khas dapat diwujudkan di Selangor.

"Kalau ada pusat latihan sendiri memang senang tetapi di Selangor, hanya ada pusat bowling komersil," kata Juara Kebangsaan empat kali itu.



**Shalin Zulkifli**

Demi kemajuan sukan lumba basikal pula, pemenang pingat gangsa Kejohanan Dunia 2009, Mohd Rizal Tisin menyarankan sebuah velodrom dan litar BMX dibina untuk kemudahan atlet berlatih.

"Pembinaan velodrom perlu diusahakan untuk kemajuan sukan lumba basikal. Kita ada ramai pelumba yang mampu menyerlah di peringkat ke-



**Mohd Rizal Tisin**

bangsaan dan dunia.

"Adanya velodrom memberi kelebihan kepada pelumba untuk mempersiapkan diri bagi menyertai kejohanan selain pembinaan litar BMX bagi tujuan sama.

"Saya yakin Dato' Menteri Besar akan bawa perubahan dan kelainan dalam pembangunan sukan di negeri ini," kata pemenang pingat emas Kejohanan Asia 2011.



**SEMANGAT...** Juara Piala Datuk Mokhtar Dahari, Pasukan SMK La Salle bersama Dato' Menteri Besar Mohamed Azmin Ali dan Pengerusi Perangsang Selangor, Raja Idris Raja Kamarudin, (sebelah kiri MB). Dalam perlawanan tersebut SMK La Salle, Petaling Jaya berjaya mengalahkan SMK USJ8, Subang Jaya dengan keputusan 4-3 menerusi sepakan penalti



# Formasi kegemilangan bola sepak

OLEH HAFIZAN TAIB

**P**ELANTIKAN Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dianggap sebagai kena pada masanya.

Mendapat sokongan padu skuad Red Giant, Mohamed Azmin diyakini mampu menggalas tanggungjawab dengan cemerlang, malah menjadi ramuan untuk mengembalikan kegemilangan bola sepak negeri.

"Saya gembira apabila Mohamed Azmin mengambil alih kepimpinan FAS. Dengan kepimpinan baharu, akan berlaku perubahan positif terhadap bola sepak Selangor," kata Mehmet Durakovic.

Selaku jurulatih, Durakovic akan melakukan segala yang mampu untuk mengembalikan kegemilangan Selangor

sebagai pasukan bola sepak paling digeruni.

"Selangor sebagai sebuah pasukan besar di Malaysia mahu terus mempamerkan peningkatan dan kecemerlangan dalam liga," katanya.

Beliau yakin pengalamannya sebagai pemain Selangor sebelum ini akan membantu meraih kejayaan yang pernah dikecapinya untuk diterjemah kembali kepada skuad sedia ada.

"Saya bermula sebagai pemain Selangor pada 1995 hingga 1999 dan mencipta banyak kejayaan termasuk menang Piala Malaysia tiga tahun berturut-turut sejak 1995, selain Piala FA (1997).

"Dengan sokongan semua, saya harap dapat mengulangi kejayaan sama dan membawa kebanggaan kepada pimpinan dan rakyat negeri," katanya yang serasi dan meng-



**P Maniam**

anggap Malaysia sebagai rumahnya.

Pendapat sama dikongsi Penolong Jurulatih, P Maniam yang berpendapat, pemimpin muda seperti Mohamed Azmin memiliki kewibawaan ampuh untuk memacu FAS ke arah persada kejayaan.

Bekas pemain Selangor itu berkata, kepimpinan FAS diya-



**Mohd Bunyamin**

kini akan bertambah baik lantaran Mohamed Azmin memahami kehendak dan keperluan pemain serta pasukan.

"Saya yakin kepimpinan Mohamed Azmin bakal membawa impak besar terhadap bola sepak Selangor," katanya yang turut berpendapat, pemilihan Datuk Subahan Kamal sebagai pengurus, lang-

kah tepat.

"Beliau berpengalaman luas dan pernah membimbing Harimau Malaya. Saya yakin dengan perubahan ini akan membawa kebaikan dan kemajuan kepada pasukan," katanya yang juga penolong jurulatih Red Giant.

Ketua Pasukan, Mohd Bunyamin Umar berpandangan pelantikan Mohamed Azmin akan membawa limpahan kebaikan kepada FAS dan pembangunan bola sepak negeri.

"Kita tidak boleh mengharapkan perubahan sekelip mata tetapi pelantikan Mohamed Azmin bakal merubah keadaan sedia ada menjadi lebih baik.

"Dengan kerjasama semua pihak, saya yakin peminat bola sepak Selangor pasti dapat kembali menikmati kemenangan yang menjadi kelaziman dulu," katanya.